



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



PENILAIAN

OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM

(PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES)

**Graduan Program
Ijazah Sarjana Muda Perguruan
Institut Pendidikan Guru**



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



**PENILAIAN OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM
(*PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES*)
GRADUAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA
PERGURUAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

**PENYELIDIK IPG ZON SELATAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

2018

PENYELIDIKAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

PENILAIAN OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM (*PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES*) GRADUAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Pusat Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Diterbitkan oleh:
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1-3, Blok 2250, Jalan Usahawan 1,
63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel : 03-83126666
Faks : 03-83126655
Web : <http://www.moe.gov.my>

ISBN 978-967-17336-9-1

© Hakcipta Institut Pendidikan Guru Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Semua petikan daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

2018

Dicetak oleh:
Print Expert Sdn. Bhd.
No. 20, Jalan Bunga Tanjung 2/16,
Seksyen 2,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-55250588
Faks : 03-55107309
Emel : service@printerexpert.com

KATA ALU-ALUAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya penerbitan Laporan Kajian Penilaian Objektif Pendidikan Program (PEO) dapat direalisasikan. Tahniah diucapkan kepada Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi serta para penyelidik dan editor atas kegigihan dan kesungguhan dalam memastikan penerbitan laporan ini dapat direalisasikan. Kerjasama dan semangat berpasukan yang ditunjukkan ini amatlah saya hargai.

Kajian yang merupakan usahasama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) khususnya Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) dengan IPG Kampus Zon Selatan ini adalah satu usaha yang patut dicontohi dan perlu diteruskan selaras dengan keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Usaha yang dilakukan ini dapat mengenal pasti tahap pencapaian PEO pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Institut Pendidikan Guru (IPG) yang dihasilkan setelah berkhidmat antara 3 hingga 5 tahun selepas menamatkan pengajian.

Harapan saya, semoga dapatan kajian ini akan dapat membantu IPGM dalam membuat penambahbaikan program PISMP sesuai dengan matlamat PEO. Semoga IPG akan terus mantap menjadi 'Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru'. Insyallah.

Sekian, terima kasih

Dr. RUSMINI BINTI KU AHMAD

Rektor

Institut Pendidikan Guru Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia

PANEL PENYELIDIK

PENAUNG

Dr. RUSMINI BINTI KU AHMAD
REKTOR
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

PENASIHAT

Dr. MOHD NASRUDIN BIN BASAR
TIMBALAN REKTOR
PUSAT PERANCANGAN, PENYELIDIKAN DAN INOVASI
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Dr. RUSMINAH BINTI MUSLIMAN
KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN
PUSAT PERANCANGAN, PENYELIDIKAN DAN INOVASI
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

KETUA EDITOR

Dr. SHAMSAZILA BINTI SA'ABAN

EDITOR

Dr. AHMAD BIN ZAINAL (PENOLONG KETUA EDITOR)
Dr. ROSLY BIN KAYAR
Dr. FARIDAH MOHD SOPAH

PENYELIDIK IPG ZON SELATAN

Dr. NORIDA BINTI BERHAN (KETUA PENYELIDIK)
Dr. ROSLY BIN KAYAR (PENOLONG KETUA PENYELIDIK)
Dr. AHMAD BIN ZAINAL
Dr. FARIDAH MOHD SOPAH
Dr. MOHD HANAFI BIN ABU BAKAR
Dr. WAN NOORSIAH BINTI WAN ABDULLAH
Dr. FARIDAH BINTI NAZIR, PROF. MADYA
Dr. NORHIZA BINTI MOHD SALLEH
Dr. ANISAH BINTI ALIAS

GRAFIK DAN SUSUN ATUR

MOHAMAD FADZILI BIN BAHARIN (KETUA)
ABDUL JASHEER JAYASEELAN BIN ABDULLAH.

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Kata Alu-Aluan	i
Panel Penyelidik	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Singkatan	iv
Senarai Jadual	v
Senarai Rajah	ix
Ringkasan Eksekutif	x
BAB 1 PEGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Tujuan Kajian	5
1.5 Objektif kajian	6
1.6 Persoalan Kajian	6
1.7 Kerangka Konsep Kajian	7
1.8 Kepentingan Kajian	8
1.9 Batasan Kajian	9
1.10 Definisi Operasional	9
1.10.1 Penilaian	9
1.10.2 Objektif Pendidikan Program (PEO)	10
1.11 Rumusan	10
BAB 2: TINJAUAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Teori dan Model Kajian	11
2.2.1 Model Penilaian Tyler (1950)	11
2.2.2 Model Penilaian Metfessel dan Micheal (1967)	12
2.2.3 Model Logik Kellog (2014)	13

2.3	Justifikasi Pemilihan Model Logik Kellog (2004)	13
2.4	Kajian Lepas Dalam dan Luar Negara	14
2.4.1	Pengetahuan dan Kemahiran Praktikal Graduan PISMP IPG bagi Memenuhi Kehendak Organisasi dan Pelanggan	14
2.4.2	Kebolehan graduan PISMP IPG menyelesaikan masalah melalui pendekatan saintifik, inovatif, kreatif dan beretika	18
2.4.3	Kebolehan Graduan PISMP Berkomunikasi Secara Berkesan Bagi Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris	20
2.4.4	Keupayaan Graduan PISMP IPG dalam Mencari dan Mengurus Maklumat yang Relevan daripada Pelbagai Sumber.	21
2.4.5	Kebolehan Graduan PISMP dalam Mempamerkan Kemahiran Keusahawanan, Pengurusan dan Keperluan Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Pembangunan Kerjaya.	23
2.4.6	Nilai dan Sikap Profesionalisme, Ciri-Ciri Kepimpinan, Berkemahiran Sosial, Bertanggungjawab dan Mampu Melaksanakan Kerja Berpasukan dalam Kalangan Graduan PISMP	24
2.5	Rumusan	26
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		27
3.1	Pendahuluan	27
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
3.3	Prosedur Kajian	30
3.4	Populasi dan Pensampelan Kajian	30
3.5	Instrumen Kajian	31
3.6	Kesahan Kandungan dan Muka	33
3.7	Membaiki dan Menyediakan Item untuk Kajian	33
3.8	Kajian Rintis	33
3.9	Kebolehpercayaan Item dan Responden	34
3.10	Kajian Sebenar	35
3.10.1	Penyediaan Instrumen: Kajian Sebenar	35

3.10.2	Proses Pentadbiran Soal Selidik Kajian Penilaian PEO graduan PISM	35
3.10.3	Profil Responden	36
3.11	Tatacara Analisis Data	38
3.12	Rumusan	38
BAB 4:	DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN	39
4.1	Pengenalan	39
4.2	Analisis Responden Berdasarkan IPG Kampus	39
4.3	Analisis Demografi Responden	40
4.4	Analisis Keseluruhan Elemen PEO	41
4.5	Analisis Tahap Kebolehan Graduan PISMP terhadap Konstruk PEO 1	42
4.5.1	Analisis Tahap Keseluruhan Elemen PEO 1	42
4.5.2	Analisis Tahap Konstruk Pengetahuan	42
4.5.3	Analisis Tahap Kemahiran Praktikal	43
4.6	Analisis Tahap Kebolehan Graduan PISMP terhadap Elemen PEO 2	47
4.6.1	Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO	47
4.6.2	Analisis Tahap Konstruk Pemikiran Saintifik	48
4.6.3	Analisis Tahap Konstruk Pemikiran Kreatif	49
4.6.4	Tahap Konstruk Etika	50
4.7	Analisis Tahap Kebolehan Graduan PISMP terhadap Elemen PEO 3	51
4.7.1	Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 3	51
4.7.2	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Lisan	52
4.7.3	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Bacaan	52
4.7.4	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Tulisan	52
4.8	Tahap Keupayaan Graduan PISMP terhadap Elemen PEO 4	53
4.8.1	Tahap Keseluruhan Elemen PEO 4	53
4.9	Analisis Tahap Kebolehan Graduan PISMP terhadap Konstruk PEO 5	55
4.9.1	Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk PEO 5	55
4.9.2	Tahap Konstruk Kemahiran Keusahawanan	55

4.9.3 Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Pengurusan	56
4.9.4 Tahap Konstruk Pembelajaran Sepanjang hayat	57
4.10 Tahap Keupayaan Graduan PISMP terhadap Konstruk Elemen PEO 6	58
4.10.1 Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 6	58
4.10.2 Tahap Konstruk Nilai Profesional	58
4.10.3 Analisis Tahap Konstruk Nilai Sosial	59
4.10.4 Analisis Tahap Nilai Kepimpinan	59
4.10.5 Analisis Tahap Konstruk Nilai Tanggungjawab	60
4.10.6 Analisis Tahap Konstruk Nilai Kerja Berpasukan	61
BAB 5: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	62
5.1 Pendahuluan	62
5.2 Perbincangan	62
5.2.1 Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Praktikal	62
5.2.2 Tahap pendekatan saintifik, inovatif, kreatif dan beretika	64
5.2.3 Tahap Berkomunikasi Berkesan	65
5.2.4 Tahap Mencari dan Mengurus Maklumat yang Relevan	66
5.2.5 Tahap Kemahiran Keusahawanan, Pengurusan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	67
5.2.6 Tahap Nilai dan Sikap Profesionalisme, Kepimpinan, Kemahiran Sosial, Bertanggungjawab dan Kerja Berpasukan	68
5.3 Implikasi Kajian	70
5.3.1 IPGM	70
5.3.2 Pembinaan Instrumen Kajian	71
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	71
5.4.1 Elemen 1: Berpengetahuan dan berkemahiran praktikal dalam bidang keguruan selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan.	71
5.4.2 Elemen 2 : Menjana penyelesaian masalah dalam bidang keguruan melalui pendekatan saintifik secara inovatif, kreatif dan beretika.	71
5.4.3 Elemen 3: Berkomunikasi secara berkesan dengan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris.	72

5.4.4 Elemen 4: Berupaya mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber.	72
5.4.5 Elemen 5: Kemahiran keusahawanan, pengurusan dan menyedari keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan kerjaya.	73
5.4.6 Elemen 6: Memiliki nilai dan sikap profesionalisme, ciri-ciri kepimpinan, berkemahiran sosial, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan.	73
5.5 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	74
5.5.1 Menggunakan Kaedah Penyelidikan Gabungan	74
5.5.3 Peruntukan Kewangan	74
5.6 Rumusan	74
RUJUKAN	75
Lampiran	82
Soal Selidik	82

SENARAI SINGKATAN

PEO	Objektif Pendidikan Program
CLO	Hasil Pembelajaran Kursus
OBE	Pendidikan Berasaskan Hasil
IPG	Institut Pendidikan Guru
PISMP	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
KBAT	Kemahiran Berasaskan Aras Tinggi
ICT	Teknologi Maklumat Komunikasi
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkasakan Bahasa Inggeris
BPPDP	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar Pendidikan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus

SENARAI JADUAL

No	Jadual	Halaman
3.1	Pendekatan statistik kajian	29
3.2	Saiz Sampel Untuk Pelbagai Populasi	30
3.3	Pemarkahan Skala Likert	31
3.4	Bilangan Item berdasarkan Konstruk PEO	32
3.5	Bilangan Item berdasarkan Konstruk PEO	36
3.6	Taburan Komposisi Responden Mengikut Jantina, Bangsa, Pengkhususan, Lokasi dan Tahun Penempatan di Sekolah.	37
4.1	Analisis Responden Berdasarkan IPG Kampus	39
4.2	Analisis Demografi Responden	41
4.3	Analisis keseluruhan elemen PEO	42
4.4	Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 1	42
4.5	Analisis Tahap Konstruk Pengetahuan Dasar	43
4.7	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Pedagogi	44
4.8	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Kolaboratif	44
4.9	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Amalan	45
4.10	Analisis Tahap Konstruk Teknologi Maklumat	46
4.11	Tahap Konstruk Kemahiran Interpersonal	46
4.12	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Intrapersonal	46
4.13	Tahap Konstruk Kemahiran Pemikiran	47
4.14	Tahap Konstruk Kemahiran Komunikasi	47
4.15	Tahap Konstruk Kemahiran Penilaian	48
4.16	Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 2	48
4.17	Analisis Tahap Konstruk Pemikiran Sainifik	49
4.18	Tahap Konstruk Pemikiran Kreatif	49

4.19	Tahap Konstruk Etika Graduan PISMP	50
4.20	Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 3	51
4.21	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Lisan	51
4.22	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Bacaan	52
4.23	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Tulisan	53
4.24	Tahap Keseluruhan konstruk PEO 4	53
4.25	Analisis Tahap Kemahiran Mengakses Maklumat	54
4.26	Analisis Tahap Kemahiran Mengurus Maklumat	54
4.27	Tahap Keseluruhan Konstruk PEO 5	55
4.28	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Pengurusan	56
4.29	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Pengurusan	57
4.30	Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat	57
4.31	Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 6	58
4.32	Analisis Tahap Konstruk Nilai Profesionalisme	59
4.33	Analisis Tahap Konstruk Nilai Sosial	59
4.34	Analisis Tahap Konstruk Nilai Kepimpinan	60
4.35	Analisis Tahap Konstruk Nilai Tanggungjawab	60
4.36	Analisis Konstruk Nilai Kerja Berpasukan	61

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Konsep Kajian	8
1.2	Mengenal Pasti Nilai dan Merit	9
2.1	Komponen dalam Model Logik.	13
3.1	Kerangka Operasional Kajian	29

ABSTRAK

Kajian penilaian Objektif Pendidikan Program atau *Programme Educational Objectives* (PEO) graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah untuk melihat tahap pencapaian enam elemen PEO selepas 3-5 tahun berada di sekolah. Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif dan kaedah menganalisis data penyelidikan ini ialah gabungan *RIT (Winsteps)* untuk kajian rintis dan *CTT (SPSS IBM)* bagi mendapatkan hasil analisis kajian sebenar. Hasil daripada kajian rintis ini dianalisis menggunakan perisian Winsteps Version 3.69.1.11 dengan pendekatan model pengukuran Rasch. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan responden (*person reliability*) ini iaitu 0.85 yang mana nilai kebolehpercayaannya boleh diterima. Manakala kebolehpercayaan item (*item reliability*) dengan catatan nilai 0.99 menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. berdasarkan 35 orang responden. Penyelidik membuat persediaan bagi melaksanakan kajian sebenar dengan memuat naik dalam *google form* instrumen dalam bentuk soal selidik dengan jumlah item 146. Borang soal selidik ini dipaut pada laman web IPGK Perempuan Melayu, Melaka. Kaedah ini digunakan kerana pendekatannya lebih bersesuaian dengan kajian yang dijalankan, memandangkan responden yang dipilih melibatkan bilangan responden yang ramai, iaitu terdiri daripada semua graduan Program Ijazah Muda Pendidikan (PISMP) seluruh Malaysia yang telah mendapat penempatan di sekolah pada tahun 2011 hingga 2013. Rasional menggunakan kaedah ini adalah untuk memudahkan penyelidik mendapat maklumat yang diperlukan berdasarkan soalan kajian. Beberapa persediaan perlu dilaksanakan, iaitu membina soal selidik item-item dalam PEO, memuat naik dalam Internet menggunakan *Google Form*. Proses mentadbir instrumen soal selidik kajian sebenar dijalankan dengan memuat naik dalam *google form* dengan jumlah 146 item terhadap graduan PISMP IPG seramai 939 responden seluruh 27 IPG di Malaysia. Hasil dapatan analisis kajian sebenar kesemua enam elemen PEO pada tahap yang tinggi iaitu; PEO 1 (Min=3.33; S.P=0.679), PEO 2 (Min=3.26; S.P=0.533), PEO 3 (Min=3.33; S.P=0.567), PEO 4 (Min=3.38; S.P=0.524), PEO 5 (Min=3.18; S.P=0.634) dan PEO 6 (Min=3.27; S.P=0.589). Berdasarkan analisis secara empirikal, jelaslah bahawa graduan PISMP mempunyai tahap elemen PEO yang tinggi.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Golongan pendidik merupakan individu yang berperanan penting menghasilkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti tinggi. Justeru itu, pelajar yang berkualiti terhasil menerusi proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan yang telah disampaikan oleh guru yang berkualiti. Seseorang guru mestilah memiliki elemen kompetensi untuk menjadi guru yang baik seperti menguasai kandungan subjek yang diajar, berpengetahuan dalam pedagogi, berupaya memilih sumber pengajaran, mampu mempelbagaikan strategi pengajaran, memiliki kemahiran teknologi, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan pelajar serta mempunyai sikap dan personaliti yang positif. Selain itu, seorang guru juga perlu memiliki kemahiran interpersonal, intrapersonal dan kemahiran komunikasi seperti bermotivasi, humor dan berkeyakinan. Memiliki nilai dan sikap profesionalisme, ciri-ciri kepimpinan, berkemahiran sosial, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan. Program PISMP yang telah dilaksanakan sebagai satu sistem yang komprehensif dapat menampung keperluan sekolah ke arah penyediaan guru abad ke-21.

IPG yang menawarkan program PISMP perlu menyediakan kurikulum yang lebih terancang dan memenuhi piawai perlu disediakan. Bagi menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) dan badan-badan profesional yang berkaitan, adalah perlu mewajibkan supaya kesemua program akademik yang ditawarkan di IPTA di Malaysia perlu mengamalkan proses Pendidikan Berasaskan Hasil atau *Outcome-Based Education* (OBE). Oleh itu, tiada pengecualian bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk memberi penekanan kepada OBE dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajarannya. Secara tidak langsung, penerapan OBE yang bertujuan bagi melahirkan graduan PISMP yang lebih kompetitif, kompeten, mempunyai kebolehcapaian yang tinggi. Oleh itu, dapat memenuhi keperluan pihak sekolah.

OBE yang disasarkan melibatkan empat proses utama, iaitu perancangan, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian yang menjurus kepada hasil yang bakal diperolehi oleh setiap siswa guru dalam setiap program yang diikuti. Dalam hal ini, pelaksanaan OBE memerlukan setiap program PISMP mempunyai empat peringkat hasil pembelajaran, iaitu Objektif Pendidikan Program atau *Programme Educational Objectives* (PEO), Hasil

Pembelajaran Program atau *Programme Learning Outcomes* (PLO), Hasil Pembelajaran Kursus atau *Course Learning Outcomes* (CLO) dan Hasil Pembelajaran Topik atau *Topic Learning Outcomes* (CLO). PEO graduan PISMP dinilai setelah berada di alam pekerjaan antara 3 hingga 5. PLO dinilai sebaik sahaja selesai bergraduasi. CLO pula dinilai sebaik selesai sesuatu kursus. TLO dinilai sebaik selesai sesuatu topik. Namun begitu, fokus kajian yang dijalankan adalah untuk melihat kepada pencapaian PEO graduan PISMP, IPG.

Objektif Pendidikan Program (PEO) yang telah dirancang dan sistematik diharapkan dapat melahirkan graduan IPG program PISMP yang memiliki pengetahuan dan kemahiran praktikal dalam bidang keguruan selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan. Tidak dinafikan pembangunan sesebuah negara bergantung kepada sistem pendidikan kerana seorang pendidik mempunyai tanggung jawab yang sangat besar untuk menyampaikan ilmu. Justeru, Objektif Pendidikan Program PISMP yang telah ditetapkan untuk diaplikasikan adalah terdiri daripada enam elemen seperti berikut:

- i. PEO 1: Berpengetahuan dan berkemahiran praktikal dalam bidang keguruan selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan,
- ii. PEO 2: Menjana penyelesaian masalah dalam bidang keguruan melalui pendekatan saintifik inovatif, kreatif dan beretika,
- iii. PEO 3: Berkomunikasi secara berkesan dengan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris,
- iv. PEO 4: Berupaya mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber,
- v. PEO 5: Mempamerkan kemahiran keusahawanan, pengurusan dan menyedari keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan kerjaya dan
- vi. PEO 6: Memiliki nilai dan sikap profesionalisme, ciri-ciri kepimpinan, berkemahiran sosial, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kualiti pendidikan dapat dicapai apabila para guru pelatih mempunyai pencapaian yang mencukupi, sehingga mereka mampu memberikan perhatian secukupnya dalam menunaikan tugas. Oleh kerana itu pendidik perlu mengembangkan, memperluas, memperbaharui dan mendalami pengetahuan serta kemahiran yang dimilikinya setiap masa (KPM, 2013). Walau bagaimanapun masih terdapat segelintir graduan IPG yang masih kurang menguasai kemahiran dalam bilik darjah seperti yang dilaporkan oleh Jemaah Nazir (Jaminan Kualiti KPM, 2013). Hanya 12% guru baharu yang berada pada tahap baik dan cemerlang manakala

selebihnya pada tahap yang sederhana. Laporan ini jelas menunjukkan bahawa, masih terdapat kelemahan guru baharu dalam menguasai pengetahuan dan kemahiran PdP di bilik darjah. Aspek kelemahan yang didapati hasil laporan tersebut menjadi petunjuk untuk pihak IPGM melakukan kajian yang empirikal bagi mengenal pasti tahap kebolehan dalam elemen Objektif Pendidikan Program (PEO) graduan PISMP di IPG.

Enam elemen PEO yang digariskan oleh IPGM (KPM, 2017) yang perlu dikuasai pelajar agar mempunyai pengetahuan dan kemahiran praktikal dalam bidang keguruan selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan. Namun dalam kajian Ade Sobandi (2017), terdapat sebilangan guru baharu yang kurang menguasai kemahiran mengurus maklumat dan mempunyai kompetensi yang sederhana. Mereka beranggapan kemahiran dan pengetahuan pengurusan ini akan menambahkan beban tugas mereka. Pendapat mereka selari dengan pendapat yang diutarakan oleh Richard, Patrick dan Willy (2017), iaitu ramai guru tidak mahu mengubah kaedah pengajaran berpusatkan murid kerana disebabkan oleh kurang kemahiran dan pengetahuan dalam amalan bilik darjah yang baik bagi memenuhi keperluan organisasi dan pelanggan.

Keadaan bilik darjah merupakan medan peranan, tanggung jawab dan amanah seseorang guru dalam melaksanakan akauntabiliti profesionnya. Seseorang guru dikategorikan sebagai efektif apabila pengajaran yang disampaikan mendatangkan kesan positif dalam kalangan pelajar. Tahap efektif guru lazimnya dikaitkan dengan tahap pencapaian pelajar sama ada dalam perolehan pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan apresiasi. Semua ini menjadi *key performance index* terhadap keterampilan guru dan guru efektif. Walau bagaimanapun, Beban tugas guru merupakan salah satu isu yang sering dikaitkan dengan keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kepada dapatan kajian oleh Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) Kementerian Pengajian Tinggi mendapati daripada 125 pengajaran yang dicerap di 41 buah sekolah di Malaysia hanya 12% daripada pengajaran yang mencapai standard yang tinggi iaitu dapat mengaplikasikan amalan terbaik pedagogi, 38% memuaskan dan 50% pada tahap yang tidak memuaskan.

1.3 Pernyataan Masalah

Organisasi perlu menjalankan penilaian program selepas melaksanakannya bagi mengenal pasti tahap keberkesanan program yang dijalankannya (Azizah, 2012). Perkara ini juga bersesuaian dengan Standard Guru Malaysia (BPG, 2009) agar semua guru mempunyai ciri-ciri yang setara di seluruh negara dalam aspek perkhidmatan mereka. Kajian mengenai impak graduan PISMP, IPG yang telah ditempatkan di sekolah dalam enam elemen PEO belum lagi dilaksanakan secara terperinci. Oleh itu, pihak IPGM, KPM sukar untuk memastikan sama ada graduan IPG telah melaksanakan kesemua aspek dalam PEO tersebut dengan berkesan. Aspek ini amat penting dikenal pasti supaya program yang telah dilaksanakan di IPG melalui kurikulumnya diaplikasikan oleh guru-guru di sekolah dalam medan yang sebenar. Pihak IPG boleh melakukan penambahbaikan yang bersesuaian dengan program-program yang dilaksanakan bagi menyahut cabaran pendidikan seperti kemahiran berfikir, Pendidikan Abad Ke-21 dan sebagainya.

Terdapatnya rungutan dalam kalangan pelanggan bahawa guru permulaan kurang mengamalkan aspek-aspek dalam PEO di sekolah. Menurut Abdul Muin (2013) guru-guru permulaan terikut-ikut dengan budaya negatif dalam kalangan guru-guru sekolah sehingga mengakibatkan mereka banyak menghabiskan masa dengan kerja-kerja sambilan, tidak fokus dalam tugas dan melakukan tugas dengan sambil lewa. Keadaan ini menyebabkan mutu dan perkhidmatan guru di sekolah tidak memenuhi standard yang ditentukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, kegagalan guru-guru mengaplikasikan PEO yang dipelajari di IPG akan menjejaskan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dan ini menyebabkan imej IPG dan kualiti diri guru dipertikaikan oleh pelanggan (Mohd Zuri, Aznan & Zainuddin, 2013).

Zohar, Degani dan Vaakin (2001) pula menyatakan pengetahuan dan kemahiran guru adalah faktor kritikal dan menjadi pemangkin dalam proses pelaksanaan perubahan kurikulum. Pengetahuan dan kemahiran guru juga dapat menentukan sejauh mana kandungan sesuatu mata pelajaran dapat dikuasai dan dapat disampaikan dengan berkesan. Seseorang guru perlu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran. Kemahiran mengajar atau *teaching skills* meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan berkesan iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran. Menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007), menegaskan antara sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Di dapati guru juga kurang kemahiran dan kegagalan guru untuk mengaitkan

antara teori dan praktikal boleh menjejaskan keberkesanan penyampaian kurikulum (Yahaya, 2010).

Justeru, graduan PISMP IPG perlu menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas bagi menjamin mereka kekal berkualiti, menjaga nama baik institusi dan imej kementerian. Kemahiran guru merangkumi pelbagai aspek PEO perlu dijadikan garis panduan dalam kurikulum di IPG. PEO sewajarnya dapat diaplikasikan dalam perkhidmatan agar kelangsungan sistem pendidikan negara seiring dengan perkembangan pendidikan di peringkat global.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti tahap Objektif Pendidikan Program (PEO) graduan PISMP IPG, Kementerian Pendidikan Malaysia yang ditempatkan di sekolah mulai 2013 yang meliputi 6 aspek PEO. Kajian ini juga dijalankan bertujuan untuk mengkaji pengamalan PEO graduan yang telah ditempatkan bermula tahun 2013 bagi mengetahui sama ada enam elemen PEO yang dilaksanakan dalam kurikulum di IPG dapat diaplikasikan di sekolah setelah mereka menjadi guru permulaan.

Elemen PEO yang dikaji adalah berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran praktikal graduan dalam bidang keguruan selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan, menjana penyelesaian masalah dalam bidang keguruan melalui pendekatan saintifik inovatif, kreatif dan beretika, berkomunikasi secara berkesan dengan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris, berupaya mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber, memiliki nilai dan sikap profesionalisme, ciri-ciri kepimpinan, berkemahiran sosial, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan, mempamerkan kemahiran keusahawanan, pengurusan dan menyedari keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan kerjaya.

1.5 Objektif kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap elemen Objektif Pendidikan Program (PEO) graduan PISMP IPG. Berikut adalah objektif khusus kajian:

- 1.5.1. Mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran praktikal graduan PISMP IPG bagi memenuhi kehendak organisasi dan pelanggan.
- 1.5.2. Mengenal pasti kebolehan graduan PISMP IPG menyelesaikan masalah melalui pendekatan saintifik secara inovatif, kreatif dan beretika.
- 1.5.3. Mengenal pasti kebolehan graduan PISMP IPG berkomunikasi secara berkesan dalam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris.
- 1.5.4. Mengenal pasti keupayaan graduan PISMP IPG mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber.
- 1.5.5. Mengenal pasti kebolehan graduan PISMP IPG dalam mempamerkan kemahiran keusahawanan, pengurusan dan keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan kerjaya.
- 1.5.6. Mengenal pasti keupayaan graduan PISMP IPG terhadap nilai dan sikap profesionalisme, ciri-ciri kepimpinan, berkemahiran sosial, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, persoalan kajian dapat dibentuk seperti berikut:


- 1.6.1. Apakah tahap pengetahuan dan kemahiran praktikal graduan PISMP IPG bagi memenuhi kehendak organisasi dan pelanggan?
- 1.6.2. Apakah tahap kebolehan graduan PISMP IPG menyelesaikan masalah melalui pendekatan saintifik secara inovatif, kreatif dan beretika?
- 1.6.3. Apakah tahap kebolehan graduan PISMP IPG dalam berkomunikasi secara berkesan bagi memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris?

- 1.6.4. Apakah tahap keupayaan graduan PISMP IPG dalam mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber?
- 1.6.5. Apakah tahap kebolehan graduan PISMP IPG dalam mempamerkan kemahiran keusahawanan, pengurusan dan keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan kerjaya?
- 1.6.6. Apakah tahap keupayaan graduan PISMP IPG terhadap nilai dan sikap profesionalisme, ciri-ciri kepimpinan, berkemahiran sosial, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan?

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian ini adalah merujuk kepada elemen Objektif Pendidikan Program (PEO) yang telah dihasilkan oleh KPM PEO adalah pernyataan yang menjelaskan hasil pendidikan yang perlu dicapai oleh setiap graduan dalam sesebuah program akademik setelah berada dalam alam pekerjaan selama di antara 3-5 tahun. Program ini mempunyai enam (6) PEO yang perlu dicapai oleh setiap graduan. Daripada enam elemen PEO yang telah dikemukakan penyelidik telah membina satu kerangka konsep kajian seperti ditunjukkan telah dibina untuk menjelaskan hala tuju kajian ini

Walaupun elemen PEO telah dilaksanakan dalam peringkat institusi pendidikan khususnya IPG, KPM tetapi agak longgar dan kurang diimplementasikan. Sehubungan itu, penyelidik merasakan ada ruang untuk menjalankan kajian terhadap graduan PISMP agar dapat menggalakkan pembangunan pengetahuan, kemahiran dan sikap (*KSAs*) individu dari segi kebertanggungjawaban, berfikir secara kritis dan kreatif, tabiat kerja yang positif, pembelajaran yang di gerak sendiri oleh graduan dan kesedaran terhadap kemahiran yang diperlukan untuk menjadi modal insan yang berjaya (Noraini, Wahid Razzaly, et al., 2007). Dalam Rajah 1.1 menunjukkan elemen PEO merupakan pemboleh ubah bebas (*independent variable*) terhadap tahap amalan PEO (pemboleh ubah bersandar) atau *dependent variable*. Kerangka konseptual ini adalah berdasarkan konstruk dan sub konstruk PEO yang telah digariskan (KPM, 2017)



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian

Adaptasi: Model Logic (Barkman, 2000; Powell et al., 2003; Fitzpatrick, 2004; Kellogg Foundations, 2004; Angela, 2008; Athabasca University, 2011 dan McCawley, 2013)

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai pelbagai kepentingan dari segi aspek teoretikal dan praktikal yang mana ianya dapat meningkatkan pemahaman dan pengetahuan tentang konsep Objektif Pendidikan Program (PEO) graduan PISMP IPG. Terdapat beberapa kepentingan yang mendorong pasukan penyelidik untuk menjalankan kajian berkaitan Kajian Penilaian Objektif Pendidikan Program (PEO) graduan PISMP IPG seluruh Malaysia. Kajian ini juga akan memberi sumbangan kepada KPM dan pihak PPPI, IPGM untuk membaiki penambahbaikan terhadap program di bawah pengendalian IPGM, KPM yang sedia ada agar ia seiring dengan FPN.

Sehubungan itu, kajian ini juga akan dapat memberi kebaikan kepada institusi pendidikan khususnya IPGM, KPM untuk meningkatkan reputasinya sebagai institusi yang menyediakan dan membekalkan bakal guru di Malaysia. Pasukan penyelidik juga berharap akan dapat memberi sumbangan kepada pensyarah di IPG Kampus terhadap pembangunan PEO yang perlu dikuasai oleh mereka untuk membekalkan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar yang akan menempuh alam kerjaya di sekolah. Pihak IPGM juga akan dapat menyediakan pelajar terhadap elemen-elemen PEO dalam kurikulum PISMP untuk dipraktikkan dengan nilai-nilai yang lestari di alam kerjaya di masa depan.

Graduan PISMP yang memasuki bidang pendidikan diharap boleh memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan dan mencari penyelesaian secara praktikal kepada pihak sekolah ke arah yang lebih efisien. Dalam aspek praktikal, kajian ini diharap akan dapat memberikan maklumat yang berharga kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti IPGM yang sentiasa mengharapkan graduan yang berkemahiran dan berpengetahuan manakala kepada pihak pembuat dasar kurikulum PPISMP iaitu IPGM, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ianya akan dapat meningkatkan nilai (*value*) institusi IPG kepada yang lebih baik. Kajian ini juga dapat memberi pendedahan dan kesedaran kepada graduan terhadap kepentingan menguasai elemen PEO dalam amalan profesional mereka.

1.9 Batasan Kajian


Kajian ini dijalankan hanya kepada seluruh guru lepasan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) keluaran 27 Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh Malaysia yang telah mendapat penempatan di sekolah pada tahun 2011 hingga 2013. Data diperoleh melalui borang soal selidik secara dalam talian bermula pada 10 April 2016 hingga 30 April 2016. Seramai 939 orang responden yang terdiri daripada guru lepasan PISMP dari 27 IPG telah menjawab soal selidik yang telah dimuat naik.

1.10 Definisi Operasional

Kajian ini mempunyai pelbagai istilah yang mungkin menyebabkan pembaca melihat dari persepsi yang berbeza. Definisi dalam kajian ini menjelaskan maksud dan istilah secara khusus adalah seperti berikut:

1.10.1 Penilaian

Penilaian merupakan suatu kemestian bagi sesebuah organisasi untuk melihat kebaikan dan kelemahan sesuatu program yang dilaksanakan (Kamaruzaman Moidunny, 2015). Menurut Spaulding (2014), penilaian adalah proses yang bersistematik untuk mengumpul data bagi mengenal pasti set objektif telah dipenuhi. Proses ini dilakukan untuk mengenal pasti nilai dan merit seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2 di bawah.



Rajah 1.2: Mengetahui Nilai dan Merit
Sumber: Program *Evaluation in Practice* (Spaulding, 2014)

1.10.2 Objektif Pendidikan Program (PEO)

Kajian ini berdasarkan panduan dari Pusat Pembangunan Akademik (2017), PEO adalah pernyataan yang menjelaskan hasil pendidikan yang perlu dicapai oleh setiap graduan dalam sesebuah program akademik setelah berada di alam pekerjaan dalam tempoh 3 hingga 5 tahun. Program ini mempunyai enam (6) PEO yang perlu dicapai oleh setiap graduan seperti berikut:

- i. PEO 1 Berpengetahuan (PLO1) dan berkemahiran praktikal (PLO2) dalam bidang keguruan selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan.
- ii. PEO 2 Menjana penyelesaian masalah (PLO3) dalam bidang keguruan melalui pendekatan saintifik (LO3) secara inovatif, kreatif dan beretika (PLO8).
- iii. PEO 3 Berkomunikasi (PLO4) secara berkesan dengan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris.
- iv. PEO 4 Berupaya mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber (PLO6).
- v. PEO 5 Mempamerkan kemahiran keusahawanan, pengurusan (PLO7) dan menyedari keperluan pembelajaran sepanjang hayat (PLO6) untuk pembangunan kerjaya.
- vi. PEO 6 Memiliki nilai dan sikap profesionalisme (PLO8), ciri-ciri kepimpinan (PLO9), berkemahiran sosial, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan (PLO5).

1.11 Rumusan

Dalam bahagian ini, penyelidik telah menghuraikan asas kajian ini untuk mengenal pasti tahap kebolehan dan keupayaan graduan PISMP IPG dalam mengamalkan elemen PEO. Matlamat program PISMP adalah bertujuan melahirkan bakal guru yang bertanggungjawab berdasarkan kurikulum yang holistik bagi memenuhi keperluan pelanggan iaitu sekolah. Bab ini menghuraikan konsep-konsep PEO dan amalan guru baharu berasaskan elemen PEO. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kebolehan dan tahap keupayaan graduan PISMP IPG terhadap amalan mereka berdasarkan elemen PEO selepas tiga tahun mengajar sebagai guru baharu.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan penulisan dan penyelidikan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Antara aspek-aspek yang dibincangkan ialah enam konstruk Objektif Pendidikan Program atau *Programme Educational Objectives* (PEO), sorotan kajian, teori dan model.

2.2 Teori dan Model Kajian

Bahagian ini akan membincangkan teori-teori dan model-model kajian yang digunakan. Teori-teori dan model-model kajian digunakan bagi memberikan garis panduan tentang pemboleh ubah yang dikaji untuk digunakan kajian ini.

2.2.1 Model Penilaian Tyler (1950)

Model Penilaian Tyler (1950) merupakan salah satu model penilaian terawal yang berasaskan matlamat suatu program atau aktiviti. Model ini dikemukakan oleh Ralph W. Tyler berdasarkan kerja-kerja beliau pada tahun-tahun 1930-an dan 1940-an. Beliau mempercayai bahawa langkah terawal dalam penilaian adalah dengan menentukan kejelasan program atau matlamat aktiviti. Bagi beliau, penilaian akan menentukan sejauh mana matlamat tersebut tercapai.

Tyler mengesyorkan langkah-langkah berikut semasa membuat penilaian (Tyler 1950) iaitu (1) Menentukan matlamat utama atau objektif program, (2) Mengelaskan atau menyusun matlamat atau objektif program, (3) Mentakrifkan matlamat atau objektif program dalam bentuk yang boleh dipantau, (4) Mencari situasi yang dapat menunjukkan pencapaian objektif program, (5) Membina atau memilih teknik-teknik pengukuran, (6) Mengutip data pencapaian dan (7) Membandingkan data pencapaian dengan objektif yang telah dinyatakan. Dalam proses penilaian ini, jurang antara data pencapaian dan objektif ditentukan, dan ubah suaian program boleh dibuat untuk meningkatkan keberkesannya. Selepas ubah suaian dilaksanakan, proses penilaian boleh diulangi.

Model Penilaian Tyler ini merupakan model yang ringkas, senang diikuti, mudah difahami dan menghasilkan maklumat yang relevan secara langsung. Model ini juga dapat menentukan arah atau hala tuju organisasi, membuat pengesahan tentang tahap

perlaksanaan organisasi, mampu menyusun objektif mengikut keutamaan dan objektif terhadap proses penilaian. Walau bagaimanapun, model ini kurang sesuai digunakan bagi semua jenis penilaian kerana tidak memberikan maklumat secara spesifik tentang perkara yang perlu dinilai. Dengan kata lain, model ini terlalu umum bagi sesuatu penilaian yang bersifat khusus. Contohnya, model penilaian ini kurang sesuai jika kita ingin menilai program latihan yang dilaksanakan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) yang bersifat khusus.

2.2.2 Model Penilaian Metfessel dan Michael (1967)


Metfessel dan Michael (1967) mencadangkan model penilaian yang diperkembangkan daripada Model Penilaian Tyler berdasarkan matlamat program atau aktiviti. Metfessel dan Michael mengesyorkan penekanan dibuat terhadap pengaruh pelbagai faktor lain dalam proses penilaian yang mungkin akan berlaku semasa proses penilaian dilaksanakan. Seterusnya mereka juga mengesyorkan agar kaedah pemungutan data dipelbagaikan dan dikembangkan selari dengan proses penilaian yang dilaksanakan.

Mereka telah mencadangkan lapan langkah asas bagaimana proses penilaian patut dijalankan iaitu (1) Melibatkan keseluruhan komuniti sesuatu organisasi sebagai fasilitator dalam proses penilaian, (2) Menghasilkan model penilaian menyeluruh yang terdiri daripada matlamat umum dan objektif khusus, (3) Menterjemahkan objektif penilaian ke dalam bentuk yang boleh dikomunikasikan dan boleh dilaksanakan dalam persekitaran organisasi, (4) Memilih atau membina instrumen penilaian untuk mengukur dan boleh membuat inferens terhadap keberkesanan program, (5) Menjalankan pemantauan secara berkala menggunakan ujian kesahan kandungan, skala-skala dan pengukuran tingkah laku, (6) Menganalisis data menggunakan kaedah statistik yang bersesuaian, (7) Menginterpretasikan data menggunakan piawaian pencapaian di semua peringkat pengukuran dan (8) Membuat cadangan untuk pelaksanaan seterusnya, pengubahsuaian dan menyemak kembali matlamat umum dan objektif khusus program.

Model Penilaian Metfessel dan Michael ini juga merupakan suatu model yang mudah difahami dan lebih komprehensif daripada Model Penilaian Tyler. Penekanan terhadap kepelbagaian dalam proses penilaian di samping kaedah pengumpulan data, dilihat sebagai kekuatan khusus bagi model ini. Walau bagaimanapun, model ini masih dilihat sebagai suatu model penilaian umum yang tidak menjurus kepada suatu penilaian program yang spesifik. Dengan kata lain, maklumat umum yang didapati masih perlu diperincikan dalam menentukan kekuatan dan kelemahan spesifik bagi sesuatu program.

2.2.3 Model Logik Kellogg (2014)

Model Logik merupakan alat bagi teori program dan juga merupakan satu gambaran yang jelas dan sistematik yang membolehkan pengkaji memahami perhubungan di antara sumber yang digunakan untuk menjalankan program, aktiviti-aktiviti yang dirancang dan perubahan atau hasil yang diharapkan (Ura Pin@Chum, Norasmah Othman, & Jamil Ahmad, 2012). Teori program yang digambarkan dalam Model Logik membantu dalam memahami rasional program dan hubungan antara sumber program, aktiviti dan hasil yang diharapkan (Donaldson, 2005; Sharpe & Bay, 2011; W.K. Kellogg Foundation, 2004; Weiss, 1998). Menurut *American Evaluation Association* (2004), penilaian berasaskan teori program adalah satu bentuk penilaian yang bersistematik dan dilaksanakan berdasarkan bukti yang kukuh (*evidence based*). Model Logik terdiri daripada komponen Input atau Sumber, Aktiviti, *Output* dan *Outcome* (hasil jangka pendek dan hasil jangka panjang) dan Impak seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.1.



Rajah 2.1: Komponen dalam Model Logik.
Sumber: W.K. Kellogg Foundation (2004)

2.3 Justifikasi Pemilihan Model Logik Kellogg (2004)

Dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada *outcome* yang mana pengkaji melihat hasil perubahan setelah beberapa tahun program PISMP berjalan. Model Logik merupakan perwakilan grafik sesuatu program dengan menunjukkan hubungan antara apa yang dilaburkan dan keputusan yang diperolehi. Model Logik juga menyediakan kepada pihak berkepentingan akan gambaran visual dengan menunjukkan kelemahan dan kekuatan program (McCannon Humphrey, 2011).

Model Logik amat sesuai digunakan untuk menilai sesuatu program. Menurut Ellen Taylor dan Ellen Henert dalam *“Developing a Logic Model: Teaching and Training Guide”*, tidak ada satu atau "paling tepat" untuk membangunkan Model Logik. Ia semua bergantung kepada tujuan dan bagaimana hendak menggunakan Model Logik sama ada untuk perancangan, pelaksanaan, penilaian, atau komunikasi. Ini kerana Model Logik digunakan berdasarkan kepada konteks dan sumber yang diperolehi (Taylor-Powell & Henert, 2008). Tambahan lagi, Model Logik menawarkan kepada para penyelidik satu struktur penilaian yang menggabungkan aplikasi teori sistem untuk mereka berfikir tentang program pendidikan. Pendekatan ini adalah berasaskan andaian bahawa hubungan antara pelaksanaan program pendidikan dan hasil yang dikehendaki dapat difahami dengan jelas (Frye & Hemmer, 2012).

Model Logik juga membantu pengkaji kerana pengkaji menjadikan sebagai templet atau pelan induk yang dapat menunjukkan hubungan di antara input, aktiviti, *output* dan *outcome* (Spaulding, 2014). Selain itu Model Logik memberi panduan kepada pengkaji untuk mengenal pasti soalan penilaian agar dapat ditentukan sebaiknya (Lawton, Brandon, Cicchinelli, & Kekahio, 2014). Model Logik menjelaskan dalam tempoh pelaksanaan program antara satu hingga tiga tahun (jangka pendek) dan empat hingga enam tahun (jangka panjang), aktiviti yang dirancang akan mencapai tahap yang diinginkan dan peserta yang terlibat akan memperoleh manfaat yang sewajarnya. Seterusnya dalam jangka masa panjang antara tujuh hingga sepuluh tahun, jika manfaat kepada peserta dapat dicapai, maka perubahan tertentu kepada organisasi atau sistem dijangka akan berlaku.

2.4 Kajian Lepas Dalam dan Luar Negara

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji lepas. Sorotan kajian ini dapat digunakan untuk mengkaji enam pemboleh ubah dalam kajian PEO.

2.4.1 Pengetahuan dan Kemahiran Praktikal Graduan PISMP IPG bagi Memenuhi Kehendak Organisasi dan Pelanggan

Cabaran utama bidang pendidikan adalah untuk memastikan semua sekolah serta institusi pendidikan memainkan peranan dalam memperkembangkan pengetahuan, kemahiran serta membentuk sikap pelajar secara berkesan mengikut acuan Malaysia (Abdullah (2009). Pendidik berperanan dan bertanggungjawab untuk membangunkan potensi pelajar bagi menzahirkan visi dan misi KPM. Menurut Valli & Buese (2007), dalam kajiannya terhadap 150 orang pendidik mendapati tugas dan tanggung jawab pendidik telah semakin bertambah, diperluaskan, diinsentifkan bagi memenuhi harapan ibu bapa pelajar hingga memberi tekanan

kerja terhadap pendidik. Begitu juga dengan pandangan yang dikemukakan oleh Rieg et. al. (2007) yang menyatakan bahawa tugas hakiki pendidik yang perlu dilaksanakan adalah mengorientasikan kurikulum.

Pengetahuan pedagogi tidak akan membawa faedah atau bernilai sekiranya hanya wujud di minda seseorang pendidik dalam bentuk yang statik (Harris & Sass, 2011). Elemen pengetahuan memerlukan rangsangan minda supaya dapat berkembang dan mesti dalam bentuk yang aktif supaya menjadi asas interaksi profesional dengan rakan sekerja, para pelajar dan pihak lain. Selain itu, reaksi profesional atau tindak balas yang wujud serta dapat berhubung dengan situasi sebenar semasa pelaksanaan pengajaran di dalam kelas, diaplikasikan dalam merancang pengajaran (kurikulum dan kokurikulum) dan disebarkan kepada para pelajar melalui pengajaran di dalam kelas dan perkongsian ilmu bersama pendidik-pendidik yang lain.

Craig (2009) berpendapat, pendekatan pedagogi guru yang boleh diintegrasikan dengan sistem pembelajaran abad ke 21 termasuklah belajar cara belajar, kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran, aplikasi teori kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan ICT, pengajaran berasaskan kajian masa depan, pembelajaran secara konstruktivisme, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran akses sendiri dan pembelajaran masteri dapat meningkatkan mutu P&P dalam bilik darjah.

Kajian Huffman (2003) mendapati perkongsian tentang tentang dasar sesuatu organisasi yang meliputi dimensi perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi merupakan amalan yang paling kerap diamalkan oleh barisan pentadbir dan guru-guru sekolah kajian. Amalan ini dapat membentuk budaya pembelajaran secara berterusan dalam kalangan pendidik. Ke kerapannya yang tinggi ini secara langsung menunjukkan bahawa komuniti pembelajaran profesional di sekolah adalah terletak kepada visi dan misi sekolah. Perkongsian misi dan visi sekolah mampu mengajak guru-guru bekerjasama untuk mencapai matlamat sekolah.

Hubungan yang signifikan ini menjelaskan bahawa pengurusan budaya kolaboratif berupaya meningkatkan tahap motivasi pendidik. Cheng (1996) dalam kajiannya mendapati sekolah yang mempunyai budaya yang kukuh menghasilkan guru yang bermotivasi, persekitaran organisasi yang kaya dengan ideologi, penyertaan bersama, dan kepimpinan berkarisma. Selain itu, budaya kolaboratif juga dapat meningkatkan keakraban hubungan yang seterusnya menyebabkan guru mengalami kepuasan bekerja yang tinggi dan peningkatan produktiviti. Menurutnya lagi sekolah yang ditadbir berdasarkan Teori Pengurusan Kolaboratif mempunyai idea penglibatan satu pasukan yang berkongsi harapan,

norma-norma dan nilai serta budaya sekolah, memimpin semua ahli sekolah dalam aktiviti pendidikan dan mempunyai matlamat kerja yang sama.

Sehubungan itu, adalah penting bagi semua pendidik untuk memainkan peranan bagi mengetahui, menguasai dan membudayakan konsep sekolah berkesan agar seluruh warga sekolah mempunyai hala tuju yang sama, jelas dan seragam. Indikator utama dalam menentukan keberhasilan dan kejayaan sesebuah sekolah terletak kepada jalinan kerjasama yang erat antara semua pihak iaitu pengurusan tertinggi, pengurusan pertengahan dan kakitangan bawahan (Crowther, Kaagan, Ferguson & Hann, 2002).

Pengetahuan Amalan Pembelajaran dalam kalangan guru amat penting dalam melaksanakan pedagogi. Melalui pengalaman guru secara tidak langsung elemen pengetahuan yang sedia ada berupaya untuk berinteraksi dalam situasi sebenar kehidupan. Hasil pengalaman yang diperoleh merupakan satu set pembelajaran yang akan digunakan sebagai panduan terhadap tindakan yang boleh diaplikasikan oleh guru tersebut. Menurut Halim, Abdul Hamid, Meerah dan Osman (2006), peningkatan tahap pengetahuan dapat membantu meningkatkan kualiti kerja pendidik yang boleh dilaksanakan melalui aktiviti pembacaan, membuat refleksi sendiri, mencatat dan menyimpan maklumat penting serta berbincang bersama-sama rakan. Seterusnya dalam kajian yang dilaksanakan Henze et. al. (2009) terhadap guru yang berpengalaman, dapatan kajian menunjukkan para pendidik dapat belajar secara individu dan kolaboratif melalui beberapa kaedah seperti perkongsian pengetahuan dan pengalaman daripada pendidik lain, bertukar-tukar cerita, bantuan peralatan, idea dan perkongsian amalan baik dalam kaedah pengajaran.

Selaras dengan perkembangan pendidikan abad ke 21 bertunjangkan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mementingkan kemahiran teknologi yang perlu dikuasai oleh para pendidik. Kemahiran mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam pengajaran merupakan salah satu dari keperluan latihan bagi pendidik (Lambert & Cuper, 2008; Levin & Wadmany, 2008). Penguasaan ICT dalam kalangan pendidik adalah selaras dengan keperluan kemahiran abad ke 21 yang sememangnya penting untuk diaplikasikan dalam bidang pendidikan seiring dengan penggunaan peralatan dan teknologi yang digunakan semasa pengajaran. Oleh itu, tahap kompetensi pendidik perlu dipertingkatkan memandangkan mereka adalah tunjang kepada pelopor kemahiran abad ke 21 dalam melahirkan modal insan pelajar yang kreatif, inovatif dan mempunyai kebolehan berfikir pada aras tinggi (KBAT).

Becker & Watt (1996), berpendapat bahawa sebahagian pendidik yang telah sebatian dengan kaedah mengajar yang tradisional begitu sukar untuk membuat penyesuaian dengan teknologi pengajaran yang terkini. Mahmud (2006) menyatakan, kegagalan pendidik

menguasai kemahiran dalam ICT dan kurang menghasilkan inovasi dalam pengurusan PdP menyebabkan peranan mereka agak kurang berkesan. Perkembangan ICT dalam pendidikan telah menuntut keperluan pendidik dari segi kaedah penyampaian pengajaran menggunakan teknologi (Mahmud, 2006; Buntat et. al, 2010). Penggunaan ICT dalam dunia pendidikan telah membuka lembaran baru tentang liberalisasi pembelajaran yang tidak lagi terikat kepada bilik darjah atau bengkel semata-mata. Kemajuan dan kecanggihan teknologi ICT membolehkan pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan kepada para pelajar (Rashid, 2005; Mahmud & Ismail, 2005).

Pendidik yang profesional perlu memiliki kemahiran *interpersonal* dan *intrapersonal* serta kemahiran mengajar yang berkesan (Yusof, 2003). Menurut beliau kepentingan perhubungan *interpersonal* boleh menjadikan hidup lebih bermakna di mana seseorang pendidik mempunyai orang yang disayangi, menyayangi dan melaksanakan tanggungjawab untuk hidup bersama, seperti keluarga, masyarakat, bangsa dan lain-lain. Kecerdasan hubungan *interpersonal* melibatkan kebolehan membuat perkaitan dan memahami keadaan dan situasi orang lain, manakala kecerdasan hubungan *intrapersonal* pula melibatkan kebolehan membuat refleksi sendiri dan menyedari mengenai keadaan dirinya (Sulaiman, 2004).

Hashim (2012), menyatakan kemahiran pemikiran merupakan satu matlamat utama dalam sistem pendidikan di seluruh dunia masa kini. PPPM 2013-2025 sebagai kesinambungan yang sudah dilaksanakan di sekolah-sekolah sejak dasar sekolah Bestari diperkenalkan pada tahun 1998 tetapi sehingga hari ini masih belum mencapai prestasi yang membanggakan. Pelbagai usaha pedagogi sudah dicuba dan dilaksanakan untuk mencapai matlamat tersebut khususnya yang memberi pusingan kepada pelajar seperti kaedah diskusi kumpulan kecil, pembelajaran berasaskan masalah dan pembentangan hasil diskusi atau kajian. Beliau mencadangkan, pendekatan pedagogi di institusi latihan perguruan harus diubah terlebih dahulu dengan memperkenalkan pedagogi inkuiri atau apa yang juga dinamakan pedagogi hikmah untuk melahirkan guru yang berfikiran kritis, kreatif dan berakhlak mulia. Hanya guru yang kritis sahaja yang boleh melahirkan pelajar yang kritis di sekolah.

Kemahiran berkomunikasi secara lisan dan bukan lisan merupakan antara perkara penting kerana ianya boleh mempengaruhi proses penyampaian pengajaran dengan berkesan. Menurut Shaari (2008), masalah yang sering dialami oleh pendidik ialah masalah dari segi penggunaan bahasa; ketidaktelapan suara; wujudnya komunikasi tertutup; kegagalan pendidik mengawal emosi dan gangguan luaran seperti kebisingan. Komunikasi merupakan proses perpindahan pengetahuan, pengertian atau perasaan yang dikongsi

bersama melalui mesej yang disampaikan sama ada secara lisan atau bukan lisan (Craig, 1999). Kemahiran komunikasi merupakan satu aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang perlu dikuasai oleh para pendidik.

Pendidikan keusahawanan adalah merupakan satu komponen penting dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada secara langsung atau tidak langsung yang perlu diterapkan dalam pendidikan di sekolah. Pendidikan keusahawanan ini dapat menyediakan pelajar dengan kefahaman tentang perniagaan dari segi tujuan, struktur, dan perhubungan dengan bahagian lain dalam ekonomi dan masyarakat (Othman, 2002). Banyak kajian telah menyatakan bahawa kursus keusahawanan mempunyai kesan positif ke atas pandangan pelajar terhadap keusahawanan daripada perniagaan kecil. Menurut pendapat Kolvereid & Moen (1997), graduan keusahawanan yang mempunyai minat terhadap keusahawanan akan lebih berjaya berbanding dengan graduan yang lain. Pelajar yang didedahkan dengan pendidikan keusahawanan mempunyai peluang yang lebih baik, kerana mereka didedahkan dengan pelbagai aspek yang berkaitan dengan alam pekerjaan, kesan-kesan globalisasi ke atas struktur syarikat-syarikat besar dan kerajaan (Othman, 2002; Danko, 2005; Cheung, 2008).

2.4.2 Kebolehan graduan PISMP IPG menyelesaikan masalah melalui pendekatan saintifik, inovatif, kreatif dan beretika.

Mengaplikasikan pendekatan saintifik merupakan aspek seterusnya yang perlu diutamakan (APS) dalam pengajaran dan pembelajaran sememangnya telah banyak dilaksanakan ketika ini, bahkan dalam sistem pendidikan di negara-negara dunia ketiga kebanyakannya, telah menetapkan pendekatan saintifik dalam kurikulum pendidikan secara eksplisit (Luis, 2012). Di Barat aplikasi pendekatan saintifik dalam PdP telah mula dilaksanakan pada tahun 1968 (Popper, 1968), dan berkembang sehingga menjadi popular pada tahun-tahun berikutnya oleh Ruse 1979, 1988; Sober 1984; Thagard 1992 dan Pickett et. al., 1994. Aplikasi pendekatan saintifik dalam era ini banyak berkisar tentang penggunaan hipotesis dalam membuat ramalan tentang sesuatu perkara atau kejadian, membuat kesimpulan berdasarkan bukti, keselarasan dalam membuat formula, istilah dan ujian. Pendekatan saintifik didapati menjadikan pelajar dapat menguasai kemahiran asas seperti penaaakuan, memberikan bukti dari realiti dan melaksanakan sesuatu secara amali dalam kehidupan seharian (Luis, 2012).

Sebagai pendidik perlulah dapat mengaplikasikan pendekatan inovatif dalam kalangan pelajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah bukanlah perkara yang baharu. Kajian yang dijalankan oleh Rossyahida (2011) didapati sangat signifikan dalam menyelesaikan masalah semasa sama ada dalam aspek teknikal atau pedagogi melalui inovasi. Kajiannya mendapati pembelajaran yang berorientasikan inovasi yang telah

diperkenalkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan berupaya melahirkan guru yang kreatif dan berinovatif khususnya dalam aspek pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Kajian Robiah dan Nor Sakinah (2007) mendapati guru-guru yang berfikir inovatif sentiasa sering memikirkan suatu kaedah yang baharu dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran atau tugas yang diberi di sekolah. Mereka akan memikirkan apakah cara, kaedah atau strategi baharu dalam melaksanakan tugas mereka. Dapatan kajian ini disokong oleh Moursund (2003) yang mendapati guru-guru yang berfikir inovatif selalunya mempunyai daya penciptaan atau suka melakukan sesuatu yang baharu dalam tugasannya tanpa perlu diberikan arahan. Kajiannya juga mendapati, guru-guru yang mempunyai pemikiran inovatif didapati mempunyai pelbagai idea kreatif bagi membantu pihak sekolah dalam menyelesaikan pelbagai masalah seperti disiplin, pentadbiran dan hubungan dengan ibu bapa.

Mengaplikasikan pendekatan kreatif dalam kalangan guru-guru keluaran PISMP perlu diberikan perhatian. Kajian yang dijalankan oleh Chew (2014), mendapati pelajar-pelajar yang didedahkan dengan pelbagai masalah yang memerlukan kemahiran berfikir secara kreatif dapat menjana pelbagai bentuk kisah atau peristiwa untuk diselesaikan. Di samping itu, mereka juga didapati suka memberikan pandangan dan idea dalam bentuk sumbang saran yang bermakna. Dapatan kajian Chew (2014) disokong oleh Siti Zabidah (2006) yang mendapati pelajar-pelajar yang didedahkan dengan konsep pendekatan kreatif dalam pembelajaran seringkali memberikan idea-idea yang bernas dalam menyelesaikan masalah yang ditimbulkan daripada sesuatu situasi. Idea-idea mereka bukan sahaja bernas, bahkan banyak mengemukakan idea baharu yang belum difikirkan sebelum ini.

Selain itu, sebagai seorang pendidik perlulah dapat mengaplikasikan pendekatan beretika. Belakangan ini banyak krisis yang melanda profesion perguruan dan pendidikan yang sering dibincangkan sebagai agenda nasional yang perlu ditangani dengan berkesan. Pelbagai isu dan masalah yang berlaku dalam dunia pendidikan dan keguruan sudah tentu boleh menjejaskan kualiti pendidikan dan boleh menyebabkan banyak masalah yang berkaitan dengan pendidikan timbul dan mendapat kecaman daripada masyarakat. Profession keguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Tenaga pengajar dan pengurus pendidikan seharusnya peka dengan perkembangan terkini dalam proses kepemimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber, dan pencapaian matlamat pendidikan (Ibrahim, 1995). Kegagalan guru melaksanakan tugas mereka mengikut Etika Profesion Perguruan (EPP) sudah pasti akan mengundang pelbagai kritikan daripada masyarakat.

Menurut Penyataan Dasar Standard Tinggi Kualiti Pendidikan Jemaah Nazir Sekolah (2001) menyebut bahawa; "Orang ramai semakin kerap mempersoalkan kualiti pendidikan di sekolah, seolah-olah tidak lagi menaruh keyakinan kepada kewibawaan sekolah dalam hal ehwal mendidik, terutama apabila mendapati kelakuan murid lepasan sekolah tidak seperti yang diharapkan oleh masyarakat dan negara. Kecemerlangan pada sijil peperiksaan mereka secara realitinya tidak memperlihatkan kematangan berfikir, kepetahan berkomunikasi, ketokohan sebagai pemimpin, kemurnian tingkah laku, keupayaan mencipta dan menyumbang kepada pemajuan negara-bangsa dan global,".

2.4.3 Kebolehan Graduan PISMP Berkomunikasi Secara Berkesan Bagi Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris

Kemahiran lisan selalu dikaitkan dengan kemahiran bertutur dalam kurikulum Bahasa Melayu hari ini. Siti Hajar Abdul Aziz (2009) menyatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh semua orang. Yahya Don (2005) berpendapat bahawa kemahiran bertutur merangkumi keupayaan pelajar untuk menyampaikan maklumat, pendapat dan perasaan serta idea yang kritis dan kreatif secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul dan secara sopan. Aktiviti lisan sinonim dengan konsep kesantunan dan beradap ketika bertutur. Dalam Dokumen Standard Kurikulum Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris aspek bertutur dengan bertatasusila banyak dijemakan. Menurut Asmah (2000) berbahasa dengan bertatasusila ialah penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pendengar. Orang Melayu sangat mementingkan kesantunan dalam hubungan masyarakat. Bahasa halus dan tersirat sering digunakan untuk menjaga hati orang lain. Menurut Amat Juhairi Moain (2012) pula kesantunan merujuk kepada kesopanan dan kehalusan dalam menggunakan bahasa ketika berkomunikasi sama ada melalui lisan atau tulisan. Bahasa yang sopan mempunyai kosa kata yang halus untuk menyampaikan sesuatu mesej. Oleh itu, komunikasi yang berkesan dapat mewujudkan pembelajaran yang bermakna ketika guru melaksanakan P&P di dalam kelas.

Kemahiran membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Tujuan membaca bagi memahami teks yang dibaca dan kandungan teks memberi makna kepada pembaca (Yahya 2005). Keupayaan membaca merupakan suatu kemahiran yang amat bernilai dan merupakan proses yang dinamik, iaitu memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan penulis. Membaca juga dikatakan sebagai keupayaan seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk dengan bunyi dan melalui pengalaman serta

berupaya mentafsirkan maksudnya. Pemahaman bacaan bergantung pada gabungan dari segi pengetahuan bahasa, gaya kognitif, dan pengalaman membaca.

Kemahiran menulis juga merujuk kepada keupayaan seseorang menulis perkataan dan ayat, dan mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang dilalui, Mahaya (2009). Kemahiran menulis ialah satu proses yang berulang dan melibatkan kemahiran kognitif dan meta kognitif untuk menghasilkan pencapaian akademik dan vokasional. Mendidik murid dalam penulisan kreatif ialah mendorong mereka untuk menulis imaginasi mereka. Ini akan menjadi sebahagian daripada proses kreativiti yang dapat membantu dalam semua komponen penulisan mereka. Kemahiran menulis merupakan suatu budaya intelek yang saling melengkapi antara kemahiran membaca dengan menulis. Keupayaan menulis merupakan proses penyaluran maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem, iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, audiens, dan gaya penulisan. Sehubungan itu, keupayaan membaca dan menulis merupakan suatu kemahiran yang menjadi punca atau asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu di sekolah. Pencapaian dan kebolehan yang tinggi dalam kemahiran membaca dan menulis pasti dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran murid dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Selain penekanan dalam kemahiran menulis seperti penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, di samping tulisan yang jelas, cantik dan kemas aspek penulisan kreatif juga sentiasa diberi penekanan. Elemen-elemen ini merupakan aspek yang perlu dikuasai oleh para graduan dalam menguasai kemahiran lisan, membaca, menulis dan berkomunikasi secara berkesan bagi memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan memperkukuhkan Bahasa Inggeris

2.4.4 Keupayaan Graduan PISMP IPG dalam Mencari dan Mengurus Maklumat yang Relevan daripada Pelbagai Sumber.

Komunikasi tanpa sempadan, penyelesaian masalah secara cepat dan tepat, pengajaran dan pemudah cara abad ke-21, pembelajaran sepanjang hayat dan beberapa kata kunci pendidikan terkini yang penting amat memerlukan seseorang yang hidup di abad ke-21 memiliki kemahiran literasi dalam pengurusan maklumat. Idea literasi maklumat muncul seiringan dengan kedatangan teknologi maklumat pada awal tahun 1970. Idea ini seterusnya berkembang, diperkukuh dan diiktiraf sebagai literasi kritikal untuk kelestarian kehidupan di abad ke-21 (Bruce, 2004).

Secara sepintas lalu, literasi maklumat adalah suatu kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan. Ia juga merangkumi kebolehan mencari dan memperoleh maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif. IFLA (2006) menggambarkan maklumat sebagai satu elemen terpenting untuk kreativiti dan inovasi, satu sumber utama untuk pembelajaran dan pemikiran manusia, satu sumber utama dalam mewujudkan lebih ramai warganegara berilmu, satu faktor yang membolehkan warganegara mempunyai kehidupan akademik yang lebih baik dan sumber yang penting untuk pembangunan sosial-ekonomi negara. Menurut Case (2002), mengatakan maklumat sebagai ilmu yang terkandung, pengalaman manusia yang di pakej, satu sumber yang boleh menyediakan sejumlah data yang tidak terkira banyaknya, satu sumber yang mengambil format, mempackagekan, satu media pemindahan yang berbeza-beza, dan berbagai kaedah penghantaran, maklumat ialah manusia itu sendiri terdiri daripada keluarga, para sahabat, tutor, rakan pelajar atau institusi iaitu para profesional yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan bantuan khidmat, nasihat dan maklumat.

Kemahiran mengakses maklumat merujuk kepada keupayaan mengumpul maklumat secara berkesan termasuk mengenal pasti sumber maklumat, jenis bahan dan memahami kehendak tugas (Zohra dan Siri, 2001). Menurut Doyle, (1994 & 1992) sebelum seseorang itu boleh mengakses beliau perlu mengenal pasti keperluan maklumat yang dicari. Beliau perlu bertanya soalan-soalan berhubung keperluan kepada maklumat tersebut. Setelah itu barulah beliau boleh mengenal pasti akan sumber dan jenis maklumat yang diperlukan. Termasuk dalam bahagian mengakses maklumat juga ialah menyediakan strategi pencarian dan strategi pengumpulan dan strategi mempamerkan maklumat dalam bentuk jadual, graf dan lain-lain.

Kemahiran menilai maklumat pula lebih kepada keupayaan seseorang dalam menentukan kewibawaan maklumat iaitu menentukan kesahihan dan kesesuaian maklumat serta tahu membeza di antara pandangan atau fakta (Zohra dan Siri, 2001). Menurut See (2008), ciri-ciri untuk menilai maklumat bermanfaat dan berguna mengandungi lima elemen asas iaitu ketepatan, kewibawaan, objektiviti, kekinian dan liputan.

Komuniti abad ke-21 digambarkan sebagai komuniti yang berintensif menggunakan maklumat dan pengetahuan. Ini berikutan pengiktirafan dunia akan peranan penting maklumat sebagai faktor utama pengeluaran untuk semua bentuk ekonomi (IFLA, 2006; Campbell, 2004). Oleh itu, perbincangan mengenai 'kaya maklumat dan miskin maklumat' dan 'jurang digital' adalah isu-isu yang berpusat kepada kemampuan individu, kumpulan, dan organisasi mengakses dan memaksimumkan penggunaan maklumat yang ada dan relevan dengan keperluan tempatan dan global mereka. Ini kerana perbezaan yang dikenal pasti

antara pelbagai kumpulan individu atau organisasi dengan konsep-konsep ini berkait rapat dengan perbezaan mereka dalam memahami nilai maklumat (IFLA, 2006).

2.4.5 Kebolehan Graduan PISMP dalam Mempamerkan Kemahiran Keusahawanan, Pengurusan dan Keperluan Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Pembangunan Kerjaya.

Menurut Byers (2003), terdapat banyak cara yang boleh dilakukan oleh pihak universiti dalam membantu pelajar menceburi bidang keusahawanan ini. Menurutnya lagi, seorang pelajar memerlukan kemahiran keusahawanan untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburinya. Ini boleh dirujuk pada ciri-ciri usahawan itu sendiri, di mana seorang usahawan perlulah kreatif, mempunyai daya imaginasi yang tinggi, inisiatif dan mampu membuat perubahan dan menggunakan peluang yang ada dengan baik (Dabson, 2005). Menurut Byers (2003), institut pengajian tinggi boleh melakukan pelbagai cara untuk membantu pelajar-pelajar melibatkan diri secara langsung atau tidak dalam bidang keusahawanan ini seperti menubuhkan kelab usahawan untuk pelajar, penerapan ilmu keusahawanan dalam kurikulum institut pengajian tinggi, menganjurkan seminar keusahawanan dan banyak lagi.

Aspek pengurusan terdiri daripada pengarahan dan pengawalan sebuah kumpulan yang terdiri daripada satu atau lebih orang atau entiti untuk tujuan menyelaraskan dan mengharmonikan kumpulan tersebut untuk mencapai sesuatu matlamat. Aspek pengurusan merangkumi penggunaan sumber manusia, kewangan, teknologi, dan sumber alam semula jadi. Pengurusan juga boleh merujuk kepada seorang atau sekumpulan orang yang menjalankan fungsi pengurusan. Kemahiran pengurusan diperlukan bagi seorang pengurus untuk melaksanakan tanggung jawabnya. Setiap organisasi memerlukan seorang pengurus untuk membuat sesuatu pembuatan keputusan, memberi arahan kepada pekerja dan sebagainya. Oleh itu, setiap pengurus perlu mempunyai kemahiran untuk mengurus sesebuah organisasi (De Cenzo, 2008). Sebagai seorang guru yang berada di dalam organisasi sekolah tidak terlepas dalam aspek pengurusan iaitu menerima arahan dan pengawalan dari komuniti atasan. Malah sebagai seorang guru seharusnya mempunyai kemahiran pengurusan yang selari dengan kehendak pengurusan tertinggi di sekolah dalam menjayakan matlamat dan visi organisasi.

Perkara yang amat penting dalam perubahan ekonomi dan sosial adalah pendidikan dan latihan. Melalui program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) para pendidik perlu memajukan diri bagi tujuan pembangunan diri dan kerjaya. Bagi melahirkan individu yang fleksibel untuk memperoleh pekerjaan dan kerjaya yang baik memerlukan rakyat memiliki daya saing dan sentiasa menambah kemahiran mereka sepanjang hidup. Program

Pembelajaran Sepanjang Hayat menyokong kreativiti dan inovasi serta memberi peluang penglibatan menyeluruh untuk pembangunan ekonomi dan sosial (*Commission of The European Communities, 2007*). Menurut Anderson (1999), PSH sekarang dilihat sebagai satu keperluan sosial dan ekonomi. Pelaksanaan masih menjadi halangan dan cabaran terbesar kepada strategi pendidikan sepanjang hayat di mana ia memerlukan komitmen institusi yang tinggi selain daripada koordinasi dan rakan kongsi dari *stakeholder* yang terlibat. Usaha yang berterusan mampu merealisasikan apa yang diharapkan (*Commission of The European Communities, 2007*).

2.4.6 Nilai dan Sikap Profesionalisme, Ciri-Ciri Kepimpinan, Berkemahiran Sosial, Bertanggungjawab dan Mampu Melaksanakan Kerja Berpasukan dalam Kalangan Graduan PISMP

Keupayaan guru untuk mengaplikasikan nilai dan sikap profesional dalam penyampaian pengetahuan dan mengimplementasikan penambahbaikan di sekolah adalah sangat penting. Kenyataan ini diperteguhkan oleh Harris (2011) yang menyatakan bahawa perkara paling utama dalam melakukan penambahbaikan yang berkekalan adalah meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru. Kajian oleh Postholm (2011) berkaitan pembelajaran guru melalui aktiviti di sekolah mendapati, guru mahu diberi peluang membuat pemerhatian ke atas amalan pengajaran guru lain dan menggunakan hasil pembelajaran dari pemerhatian tersebut untuk membuat refleksi dan menambah baik amalan pengajaran mereka. Kajian oleh Henze, Van Driel dan Verloop (2009) berkaitan pembelajaran guru yang berpengalaman dalam konteks inovasi pendidikan mendapati guru belajar secara individu dan kolaboratif melalui beberapa kaedah seperti daripada guru lain, bertukar-tukar cerita, bantuan peralatan, idea dan amalan baik. Justeru, Jamaliah Abdul Hamid (2008) merumuskan bahawa peningkatan tahap pengetahuan individu guru melalui aktiviti membaca, membuat refleksi sendiri, mencatat dan menyimpan maklumat penting serta berbincang bersama-sama rakan akan meningkatkan kualiti kerja guru.

Pemimpin pendidikan seperti pengetua atau guru besar perlu memainkan peranan sebagai pemimpin instruksional dan pada masa yang sama perlu memainkan peranan sebagai pemimpin kurikulum (James & Balasandran, 2009). Salah satu elemen penting yang menjadi nadi keberkesanan sekolah ialah kepemimpinan pengajaran guru. Kekuatan dan kualiti kepemimpinan pengajaran terletak pada keupayaan guru menginstitusikan dan merealisasikan visi dan misi yang diterapkan dalam sekolah. Kedua-dua komponen ini pula ditentukan oleh proses pemahaman dan penghayatan yang terkandung secara komprehensif dalam minda guru yang diterjemahkan dalam bentuk aplikasi P&P di dalam bilik darjah.

Guru baharu adalah merupakan mereka yang telah dilatih di IPG seharusnya telah melengkapkan diri sebagai insan guru yang professional dalam kemahiran sosial (White & Burke, 2001). Mereka harus mempunyai kemahiran pengajaran yang secukupnya, memiliki ilmu pengetahuan bidang pengkhususan, bermotivasi tinggi, berkaliber, kompeten, berinovatif, berkharisma dan berupaya menjadi agen reformasi pendidikan yang berwibawa. Mereka adalah sebahagian daripada pendidik negara yang merupakan komponen teras yang menentukan kejayaan pelaksanaan kurikulum tersurat dan tersirat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Marzuki & Don, 2007; Abdul Ghafar & Ariffin, 2008).

Profesion keguruan merupakan profesion yang sungguh mencabar memandangkan tugasnya yang begitu banyak dan tanggungjawabnya yang begitu berat. Di Malaysia, persoalan mengenai tekanan kerja dalam kalangan guru-guru sering menjadi topik penyelidikan. Beban tugas yang banyak telah menimbulkan kerumitan, ketidakpuasan hati dan keletihan emosi kepada guru. Di dalam kelas guru juga terpaksa membuat pelbagai keputusan dalam satu jangka waktu yang singkat (40 hingga 80 minit). Setiap hari seorang guru akan berhadapan dengan 20 hingga 120 orang pelajar dalam kelas yang terdiri daripada 20 hingga 30 orang pelajar. Guru tidak boleh menumpukan perhatian terhadap seorang pelajar sahaja, tetapi kepada semua pelajar dalam kelasnya yang mempunyai kepelbagaian minat, bakat, keadaan emosi dan latar budaya. Oleh itu, sebagai seorang guru perlu menumpukan perhatian sekali gus terhadap semua pelajar dan ini memerlukan komitmen tinggi.

Kementerian Pendidikan Malaysia amat menggalakkan amalan pengurusan berkualiti melalui kepimpinan guru dan pembentukan kerja berpasukan. Pembentukan kerja berpasukan dapat mewujudkan kerjasama yang dapat mendidik warga sekolah kepada keseronokan bekerja, meningkatkan produktiviti, memberi kepuasan kerjak dan dapat menyelesaikan sesuatu masalah yang kompleks. bekerja. Selain itu, kerja berpasukan dapat mewujudkan interaksi antara anggota kumpulan akan lebih berkesan (Mohd Najib, 2007). Asas kehidupan manusia sejak awal lagi ialah dalam bentuk komuniti berkumpulan, perlindungan, membentuk kerajaan, rekreasi dan pekerjaan. Ahli dalam kumpulan adalah bergantung antara satu sama lain bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, amalan kerja berpasukan wujud bagi memudahkan urusan kerja atau tugas yang dijalankan bagi mencapai matlamat organisasi. Amalan kerja berpasukan akan dapat meningkatkan potensi, kebolehan serta kemahiran guru dan akhirnya menyumbang kepada kecemerlangan sekolah. Justeru itu satu kajian perlu dilakukan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan tahap kerja berpasukan guru di sekolah.

2.5 Rumusan

Berdasarkan analisis terhadap model, teori dan kajian lepas yang telah dibincangkan, penyelidik menjadikannya sebagai sandaran untuk membina kerangka konseptual kajian penilaian PEO dan sebagai rujukan dan panduan bagi melaksanakan kajian ini dengan berasaskan komponen *outcome* Model Logik. Adalah diharapkan hasil kajian ini memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan agar sebarang kelemahan yang dapat dikenal pasti dapat dicadangkan untuk penambahbaikan. Selain itu, sekiranya ada kelemahan dan kepincangan yang dikenal pasti perlulah untuk diatasi agar dapat menghasilkan guru yang berkualiti, kompeten dan berjiwa pendidik.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Metodologi kajian menjelaskan bentuk rangka kerja untuk menjalankan sesuatu kajian dan merupakan bahagian penting yang digunakan untuk memastikan kajian yang dijalankan menggunakan prosedur dan kaedah dengan cara yang betul. Selain itu menurut Ghaffar (1999), Talib (2009) dan Hasan (2012), metodologi kajian digunakan untuk memastikan objektif dapat dicapai berdasarkan data yang sah dan dipercayai. Bab ini membincangkan dengan tentang kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam melaksanakan kajian. Metodologi merupakan aspek yang penting untuk menerangkan pelaksanaan sesebuah kajian yang berkaitan dengan reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian, langkah-langkah pengumpulan data dan kaedah menganalisis data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif. Kaedah ini digunakan kerana lebih bersesuaian dengan kajian yang dijalankan, memandangkan responden yang dipilih melibatkan bilangan responden yang ramai iaitu terdiri daripada semua graduan Program Ijazah Muda Pendidikan (PISMP) seluruh Malaysia yang telah mendapat penempatan di sekolah pada tahun 2011 hingga 2013. Ini bermakna graduan PISMP yang menjadi responden adalah graduan yang telah berkhidmat antara tiga hingga lima tahun. Kajian ini menggunakan teknik sampel bertujuan jenis kelompok kluster di mana data yang diperoleh dikumpul daripada keseluruhan responden berdasarkan zon penempatan. Ianya bersesuaian dengan pendapat Ayob (2002) dan Majid Konting (2004), menegaskan bahawa reka bentuk kajian ialah segala langkah atau prosedur yang diambil untuk mencapai semua matlamat kajian.


Kaedah menganalisis data penyelidikan ini adalah gabungan *RIT (Windsteps)* dan *CTT (SPSS)* bagi mendapatkan hasil analisis data kajian. Rasional menggunakan kaedah ini adalah untuk memudahkan penyelidik mendapat maklumat yang diperlukan berdasarkan soalan kajian. Beberapa persediaan perlu dilaksanakan iaitu membina soal selidik item-item dalam PEO, memuat naik dalam internet menggunakan *Google Form*, kemudian soal selidik dijawab secara dalam talian [*on-line*] dan seterusnya analisis data dilaksanakan selepas mendapat bilangan maklum balas yang mencukupi. Penggunaan soal selidik merupakan cara

yang menjimatkan masa untuk mengumpul data dalam jangka masa singkat manakala penggunaan soal selidik secara dalam talian menjimatkan penggunaan bahan bercetak dan kos penghantaran pos, memudahkan proses menjawab, menambahkan kecekapan daripada aspek masa dan kos penyelidikan.

Berdasarkan kepada Ghaffar (1999), Talib (2009), dan Hasan (2012), reka bentuk kajian merupakan suatu panduan tentang bagaimana kaedah dan prosedur untuk mendapatkan data dan juga satu perancangan di dalam proses mencapai objektif kajian. Cooper dan Schindler (1998; 2008), menyatakan bahawa reka bentuk kajian ialah satu perancangan dan struktur penyiasatan yang disediakan bagi mendapatkan jawapan bagi semua persoalan kajian.

Talib (2009) dan Hasan (2012) juga menyatakan, data yang dikumpul dan hasil sesuatu kajian akan dapat memberi maklumat untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan di mana kaedah yang dipilih berdasarkan kesesuaian dengan reka bentuk kajian, lebih praktikal dan realistik untuk mendapatkan maklum balas yang baik daripada responden. Dalam melaksanakan kajian ini, kajian tinjauan yang melibatkan kaedah kuantitatif digunakan dengan memeriksa kefungsihan item, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen melalui data item persepsi yang diperolehi.

Kajian berbentuk tinjauan digunakan oleh kumpulan penyelidik kerana cara ini berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat. Kaedah kajian ini terbahagi kepada dua fasa di mana fasa pertama ialah a) pembinaan item-item dalam PEO dan terdapat enam konstruk PEO dan setiap PEO mempunyai sub konstruk; b) kajian rintis dilaksanakan terhadap item-item PEO dan item-item yang tidak menepati syarat, setelah dilakukan analisis pembersihan item secara "*Win-Step*" berdasarkan Model Rasch, digugurkan daripada soal selidik. Fasa kedua adalah a) kajian sebenar yang dijalankan menggunakan item yang telah ditentukan kesahan dan kebolehpercayaan; b) analisis terhadap dapatan kajian. Kerangka Operasional Kajian ditunjukkan dalam Rajah 3.1.



Rajah 3.1: Kerangka Operasional Kajian

3.3 Prosedur Kajian

Soal selidik rintis diberikan kepada sampel 35 orang graduan PISMP seluruh Malaysia. Responden diberikan masa selama sebulan untuk mengembalikannya semula dan seterusnya penyelidik memproses dan menganalisis data menggunakan perisian *Winstep version V3.69.1.11* dan *SPSS IBM version 20.0* dengan kaedah Analisis *Rasch Model*. Pendekatan statistik kajian adalah berdasarkan jadual 3.1 :

Jadual 3.1: Pendekatan statistik kajian

Tujuan Analisis	Rujukan kriteria dan statistik	Pendekatan
Membentuk Konstruk Dan Dimensi (Elemen & Indikator)	Pencarian dan analisis PEO untuk membina item	RIT Model <i>Rasch</i>
Pembinaan Item	Taburan item melalui Jadual Spesifikasi Item [aras mudah, sederhana, sukar]	
Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam	Nilai kebolehpercayaan item dan responden	RIT Model <i>Rasch</i>
Pengasingan Item Dan Responden	Nilai indeks pengasingan item dan responden	
Polarity Item	Nilai <i>Point Measure Correlation</i> (PTMEA CORR)	RIT
Kesesuaian Item	Nilai MNSQ	

Item yang Bersandar	Nilai korelasi residual terpiawai	Model <i>Rasch</i> <i>Winstep version</i> <i>V3.69.1.11</i>
Aras Kesukaran Item dan Persetujuan Item	1. Perbandingan julat ukuran item dan responden, 2. Peta item-responden	
Mengenal pasti tahap	Menganalisis tahap Objektif Pendidikan Program (PEO) graduan IPG menggunakan nilai min dan sisihan piawai	CTT SPSS 20.0

3.4 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian dijalankan kepada semua graduan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) keluaran 27 Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh Malaysia yang telah mendapat penempatan di sekolah pada tahun 2011 hingga 2013. Populasi bagi kajian ini ialah 8063 guru. Data diperoleh melalui borang soal selidik secara dalam talian dijadualkan bermula awal April 2016. Data yang ingin diperoleh ialah 10% daripada populasi iaitu 806. Berdasarkan kepada Jadual 3.2 seperti di bawah yang dipetik dari jadual penentuan saiz sampel untuk aktiviti penyelidikan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan Johnson (2001)) jumlah sampel yang diperlukan bagi populasi 10,000 dan ke atas ialah 384 sahaja. Justeru, bilangan 806 responden sebagai sampel adalah lebih daripada mencukupi.

Jadual 3.2: Saiz Sampel Untuk Pelbagai Populasi
Sumber: Krejcie & Morgan, 1970 & Johnson, 2001

N	n	N	n	N	N	n	N	n
45	40	180	123	440	205	1600	310	375
50	44	190	127	460	210	1700	313	377
55	48	200	132	480	214	1800	317	379
60	52	210	136	500	217	1900	320	380
65	56	220	140	550	226	2000	322	381
70	59	230	144	600	234	2200	327	382
75	63	240	148	650	242	2400	331	384
80	66	250	152	700	248	2600	335	384
85	70	260	155	750	254	2800	338	384
90	73	270	159	800	260	3000	341	384
95	76	280	162	850	265	3500	346	384
100	80	290	165	900	269	4000	351	384

(N= Saiz Populasi, n= Saiz Sampel)

Bagi tujuan pengesahan skala dan seterusnya memperoleh ukuran bagi setiap item, pemilihan sampel adalah berlandaskan garis panduan yang diketengahkan oleh Linacre (1994). Secara asasnya, penyelidik mestilah mengenal pasti jumlah sampel yang diperlukan untuk memperoleh kolaboratif item atau responden yang stabil dan berguna. Untuk Model *Rasch*, keperluan untuk memperoleh ukuran item dan responden yang stabil adalah bersifat simetri (Linacre, 1994). Setiap kali kolaboratif ke atas satu set item dilakukan ke atas individu yang berbeza dari populasi yang sama, kita boleh menjangkakan keputusan yang sedikit

berbeza. Secara prinsipnya, semakin besar saiz sampel, semakin kecil perbezaannya (nilai min). Jika jumlah sampel adalah 2000 hingga 3000 orang, keputusan akan menjadi hampir sama. Namun begitu, pensampelan yang besar memerlukan kos yang tinggi dan masa yang lebih panjang untuk menyelesaikannya. Namun, kajian atas talian telah menjawab kepada masalah sampel yang besar kerana kos percetakan dan penghantaran borang telah dikurangkan ke tahap paling minimum.

3.5 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, kumpulan penyelidik telah membangunkan instrumen soal selidik berdasarkan Model Rasch dengan membentuk konstruk dan sub konstruk dalam enam PEO yang telah dikenal pasti. Sesi perbincangan dan sumbang saran berlaku secara semuka dan maya bagi mencapai item-item soalan dalam setiap PEO. Sesi pemurnian bersemuka juga telah dilaksanakan yang mana elemen-elemen isi kandungan, bahasa dan pembawa makna diselaraskan dan dimurnikan agar maksud item tercapai. Seterusnya set instrumen telah diuji dalam kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan. Selepas kajian rintis dilaksanakan, satu lagi analisis dijalankan iaitu Analisis Pembersihan Item berdasarkan Model Rasch menggunakan kaedah *Windstep*. Item-item yang didapati tidak sesuai (unfit) selepas analisis ini dibuat, digugurkan daripada soal selidik dan daripada analisis kajian sebenar. Proses selepas itu menjalankan kajian sebenar dan analisis kajian. Akhirnya, kajian ini diharapkan dapat memberikan rumusan yang hampir tepat terhadap tahap graduan PISMP kepada kecapaian PEO IPG.

Pembinaan item bagi instrumen kajian ini dijalankan setelah konstruk dan sub konstruk yang telah dikenal pasti. Untuk langkah yang seterusnya, item dibangunkan dengan bentuk penilaian persepsi di mana skala Likert empat mata digunakan seperti yang disarankan oleh Majid Konting (1990), Uma Sekaran (2000) dan Esa (2006), iaitu seperti Jadual 3.3 Berdasarkan Bond & Fox (2007), skala Likert ini berupaya untuk mengukur tahap persetujuan persepsi responden melalui item yang dibina.

Jadual 3.3: Pemarkahan Skala Likert

Skala Likert	Tahap
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Setuju
4	Sangat Setuju

Instrumen soal selidik yang dibangunkan ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

- i. *Bahagian A*: Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang atau demografi meliputi aspek berikut iaitu; i) jantina, ii) bangsa iii) pengkhususan di IPGK iv) lokasi sekolah (bandar, luar bandar, pedalaman) v) tahun penempatan di sekolah, vi) nama sekolah tempat bertugas responden kajian, vii) saiz sekolah, viii) subjek mengajar, ix) jenis sekolah.
- ii. *Bahagian B*: Bahagian ini mengandungi 145 item berdasarkan kepada enam konstruk PEO seperti dalam Jadual 3.4

Jadual 3.4: Bilangan Item berdasarkan Konstruk PEO

Elemen	Konstruk	Bilangan Item	Jumlah Item/ No Soalan
PEO 1	1. Kemahiran Pedagogi	5	34
	2. Pengetahuan Dasar	2	(1-34)
	3. Pengetahuan Perundangan	2	
	4. Kemahiran Kolaboratif	4	
	5. Amalan	3	
	6. Teknologi Maklumat	2	
	7. Interpersonal	4	
	8. Intrapersonal	5	
	9. Pemikiran	3	
	10. Komunikasi	2	
	11. Penilaian	2	
PEO 2	12. Pemikiran Saintifik	9	23
	13. Pemikiran Kreatif	9	(35-57)
	14. Etika	5	
PEO 3	15. Kemahiran Lisan	9	15
	16. Kemahiran Bacaan	2	(58-72)
	17. Kemahiran Tulisan	4	
PEO 4	18. Akses	4	13
	19. Teknologi Maklumat	9	(73-85)
PEO 5	20. Keusahawanan	12	29
	21. Pengurusan	8	(86-114)
	22. Pembelajaran Sepanjang Hayat	9	
PEO 6	23. Profesionalisme	3	31
	24. Sosial	2	(115-145)
	25. Kepimpinan	7	
	26. Nilai Tanggung Jawab	16	
	27. kerja Berpasukan	3	
JUMLAH			145

3.6 Kesahan Kandungan Dan Muka

Dalam kajian ini, penyelidik telah melakukan dua jenis pengesahan iaitu pengesahan muka dan pengesahan kandungan yang dilakukan oleh 15 orang pakar dalam beberapa siri pertemuan untuk membina dan memurnikan item-item PEO. Pengesahan muka yang dilakukan bertujuan untuk memeriksa dari segi bahasa penyampaian yang digunakan dan susun atur keseluruhan set soal selidik. Gay & Airasian (2003) menyatakan, semakan dan pengesahan daripada pakar amat diperlukan bagi memastikan instrumen kajian itu dapat memenuhi kehendak penyelidik berdasarkan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan.

Kesahan dilakukan dari aspek kesahan kandungan dan kesahan muka. Maklum balas dan cadangan terhadap instrumen dari aspek kejelasan makna item dan kejelasan arahan yang diberikan terus dimurnikan dalam sesi perjumpaan dan disambung secara talian. Pengumpulan hasil dilaksanakan oleh setiausaha dan penyelaras kumpulan penyelidik. Menurut Aiken (2003) menyatakan bahawa pengesahan muka dan pengesahan kandungan bertujuan untuk memeriksa sejauh mana kebolehan sesuatu alat ukur mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kesahan kandungan merujuk kepada situasi di mana kandungan sesuatu alat ukur itu berjaya mencungkil maklum balas yang dapat mewakili keseluruhan domain, kemahiran global, pemahaman dan tingkah laku yang sepatutnya diukur oleh alat tersebut. Semakan pakar adalah perlu untuk memastikan ketepatan konstruk serta kejelasan kandungan (Kline, 2005; Hulse, 2006).

3.7 Membaiki dan Menyediakan Item Untuk Kajian Rintis

Apabila instrumen telah disemak dari aspek kesahan dan kebolehannya, penyelidik melakukan proses membaiki item yang didapati tidak sesuai daripada pandangan pakar untuk dijadikan sebagai item. Penyelidik merujuk kepada komen dan pandangan sebagai rujukan bagi melaksanakan proses pembaikan item. Setelah itu, penyelidik membuat persediaan untuk kajian rintis dengan menyediakan instrumen yang lengkap berserta arahan menjawab bagi mengelakkan responden tidak memahami cara untuk menjawab soal-selidik.

3.8 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen yang telah dibangunkan dan mengesan kelemahannya. Penyelidik memastikan bahawa instrumen yang digunakan telah mengikut piawaian yang telah ditetapkan sebelum menjalankan proses kajian rintis.

Maka, penyelidik membuat persediaan bagi melaksanakan kajian rintis dengan menyediakan set instrumen setelah semua proses penyediaan instrumen telah dilaksanakan untuk diberikan kepada kumpulan graduan yang mempunyai demografi yang sama dengan responden dalam kajian sebenar. Penyelidik menjalankan kajian rintis ini dengan mengedarkan atau memuat naik set soal selidik kepada 35 orang responden yang diambil daripada populasi kajian berdasarkan kepada saranan Chua (2006). Responden merupakan graduan PISMP yang telah dua tahun berkhidmat di kawasan Melaka, Johor dan Negeri Sembilan secara dalam talian (*online*) daripada kelompok rawak. Mereka diberikan soal selidik yang mengandungi 199 item yang berskala Likert. Penyelidik telah memastikan soal selidik secara online dijawab oleh graduan PISMP tersebut. Semua responden yang terlibat dalam kajian rintis ini tidak dipilih dalam kajian sebenar. Data kuantitatif yang diperoleh daripada kajian rintis ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Winsteps* yang merupakan satu perisian komputer yang digunakan untuk menganalisis data berdasarkan model pengukuran Rasch. Sistem ini telah memudahkan penganalisisan bagi data-data yang dikumpulkan penyelidik dalam kajian. Empat diagnosis analisis data akan dilakukan dalam proses pembinaan instrumen dengan menggunakan *Winsteps* ini seperti; kebolehpercayaan dan pengasingan item-responden, mengesan *polarity item* yang mengukur konstruk berdasarkan nilai *PTMEA CORR.*, kesesuaian (*fit*) item mengukur konstruk dan menentukan item bersandar berdasarkan nilai korelasi residual terpiawai. Hasan (2012) dalam kajiannya menyatakan, penggunaan bentuk diagnosis ini bergantung pada keperluan sesuatu kajian. Tujuan analisis data pada peringkat rintis ini adalah untuk memilih item yang terbaik daripada item yang telah dirintis dan diuji (Cohen & Swerdlik, 2002).

3.9 Kebolehpercayaan Item dan Responden

Indeks kebolehpercayaan responden bermaksud andaian kebolehan individu dalam sampel adalah tekal walaupun diberikan set yang lain tetapi mengukur konstruk yang sama. Indeks kebolehpercayaan item pula dinyatakan sebagai kesukaran item adalah berbanding sampel lain yang mempunyai kebolehan yang setara. Berdasarkan model pengukuran Rasch, kebolehpercayaan item dan responden mampu untuk ditentukan. Kebolehpercayaan item dan responden dapat menunjukkan sejauh mana keserasian item kepada model Rasch. Menurut Bond & Fox (2007), nilai kebolehpercayaan yang diterima kuat adalah yang melebihi 0.8. Manakala McMillan & Schumacher (1984) menyatakan bahawa, nilai alpha 0.70 hingga 0.90 merupakan julat yang boleh diterima bagi memastikan dan membolehkan instrument kajian digunakan dalam penyelidikan. Nilai kebolehpercayaan Item ialah 0.85 manakala nilai kebolehpercayaan responden ialah 0.99.

3.10 Kajian Sebenar

Kajian Impak PEO graduan PISMP IPG seramai 939 responden telah menjawab soal selidik atas talian. Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian *SPSS version 20.0*.

3.10.1 Penyediaan Instrumen: Kajian Sebenar

Selepas melakukan analisis data pada peringkat kajian rintis, penyelidik memastikan item yang dihasilkan dan dibina mencapai standard yang dikehendaki dengan memperbaiki dan menggugurkan item yang tidak mencapai standard supaya instrumen yang dihasilkan menjadi lebih berkualiti dari aspek kesahan dan kebolehpercayaannya sebelum ditadbir dalam kajian sebenar. Penyelidik telah memastikan bahawa instrumen yang diberikan kepada responden bebas daripada sebarang kesalahan dan kesilapan dari aspek ayat dan ejaan. Penyelidik membuat persediaan bagi melaksanakan kajian sebenar dengan memuat naik dalam *google form* instrumen dalam bentuk soal selidik dengan jumlah item 146. Borang soal selidik ini dipaut pada laman web IPGK Perempuan Melayu Melaka dan bukannya di web IPGM, untuk memudahkan penganalisan data kerana IPGKPM adalah pengerusi kepada Jawatan Kuasa Penyelidikan Zon Selatan IPGM.

3.10.2 Proses Pentadbiran Soal Selidik Kajian Penilaian PEO graduan PISMP

Proses mentadbir soal selidik tidak semuanya berlaku secara dalam talian, tetapi sebahagian besar proses berlaku secara on-line terutamanya ketika responden menjawab soal selidik dan menghantar soal selidik tersebut. Carta alir proses pentadbiran Kajian Penilaian PEO graduan PISMP IPG adalah seperti berikut:

1. Surat punca kuasa atau arahan daripada IPGM ke JPN Negeri Sembilan, Johor dan Melaka untuk melaksanakan Kajian Impak PEO graduan PISMP IPG di sekolah-sekolah Zon Selatan
2. Surat punca kuasa atau arahan daripada JPN Negeri Sembilan, Johor dan Melaka ke PPD di negeri masing-masing untuk melaksanakan Kajian Impak PEO graduan PISMP IPG di sekolah-sekolah Zon Selatan
3. Surat punca kuasa atau arahan daripada PPD ke sekolah-sekolah dalam jajahan untuk melaksanakan Kajian Impak PEO graduan PISMP IPG di sekolah-sekolah Zon Selatan
4. Graduan PISMP IPG di sekolah (responden) menjawab soalan dalam talian

3.10.3 Profil Responden

Kajian telah dijalankan kepada seluruh graduan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) keluaran 27 Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh Malaysia yang telah mendapat penempatan di sekolah pada tahun 2011 hingga 2013. Data diperoleh melalui borang soal selidik secara dalam talian bermula pada 10 April 2016 hingga 30 April 2016. Jadual 3.5 menunjukkan seramai 939 orang responden yang terdiri daripada graduan PISMP dari 27 IPG telah menjawab soal selidik yang telah dimuat naik.

Jadual 3.5: Jumlah Responden Kajian mengikut IPGK

IPGK	Jumlah Responden	Peratus
1. IPGKS	24	2.6
2. IPGKTAR	18	1.9
3. IPGKBL	39	4.2
4. IPGK Kent	6	.6
5. IPGK Gaya	12	1.3
6. IPGK Tawau	10	1.1
7. IPGK Keningau	8	.9
8. IPGK Bahasa	14	1.5
9. IPGK Teknik	35	3.7
10. IPGK Ilmu Khas	38	4.0
11. IPGK BM	34	3.6
12. IPGK Sultan Mizan	33	3.5
13. IPGK Dato Razali Ismail	37	3.9
14. IPGK Perlis	41	4.4
15. IPGK Bainun	67	7.1
16. IPGK Pulau Pinang	51	5.4
17. IPGK RM	55	5.9
18. IPGKPM	67	7.1
19. IPGKSAH	43	4.6
20. IPGKDA	33	3.5
21. IPGKTHO	39	4.2
22. IPGKTI	42	4.5
23. IPGK KB	31	3.3
24. IPGK TAA	48	5.1
25. IPGK Pendidikan Islam	30	3.2
26. IPGK Ipoh	67	7.1
27. IPGK Rajang	17	1.8
Jumlah Keseluruhan	939	100.0

Profil responden dalam Jadual 3.6 menunjukkan komposisi responden yang terdiri daripada graduan PISMP dari pelbagai jantina, bangsa, pengkhususan di IPG, lokasi sekolah dan tahun penempatan di sekolah. Seramai 264 (28.1%) responden terdiri daripada graduan PISMP lelaki dan 675 (71.9%) responden terdiri daripada graduan PISMP perempuan terlibat dalam kajian ini. Daripada 939 responden kajian, 529 orang (56.3%) terdiri daripada graduan

PISMP berbangsa Melayu, 290 orang (30.9%) terdiri daripada graduan PISMP berbangsa Cina, 78 orang (8.3%) graduan PISMP berbangsa India, 29 orang (3.1%) graduan PISMP Bumiputera dan 13 orang (1.4%) Lain-lain. Manakala pengkhususan di IPG pula didapati graduan PISMP yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini terdiri daripada 18 pengkhususan di IPG yang dinyatakan iaitu pengkhususan Bahasa Melayu 76 orang (8.1%), Bahasa Inggeris 47 orang (5.0%), Pra sekolah 43 orang (4.6%), Pendidikan Khas 77 orang (8.2%), Kajian Sosial 39 orang (4.2%), Matematik 156 orang (16.6%), Sains 68 orang (7.2%), Pendidikan Islam 92 orang (9.8%), Pemulihan 59 orang (6.3%), Pengajian Cina 113 orang (12.0%), Pengajian Tamil 36 orang (3.8%), Pendidikan Jasmani 34 orang (3.6%), Bimbingan Kaunseling 3 orang (0.3%), Reka bentuk dan Teknologi 34 orang (3.6%), Seni Visual 23 orang (2.4%), Muzik 14 (1.5%), Bahasa Arab 21 orang (2.2%), Sejarah 2 orang (0.2%) dan lain-lain 2 orang (0.2%). Dapatan kajian menunjukkan seramai 939 orang graduan PISMP telah ditempatkan di tiga lokasi sekolah iaitu bandar 350 orang (37.3%), luar bandar 543 orang (57.8%) dan pedalaman 46 orang (4.9%). Majoriti responden kajian Penilaian Objektif Program ini adalah terdiri daripada graduan PISMP yang telah ditempatkan di sekolah pada tahun 2013 seramai 401 orang (42.7%) diikuti penempatan 2012 seramai 313 orang (33.3%) dan 2011 seramai 225 (24.0%).

Jadual 3.6: Taburan Komposisi Responden Mengikut Jantina, Bangsa, Pengkhususan, Lokasi dan Tahun Penempatan di Sekolah.

		Kekerapan	Peratus
Jantina (N = 939)	Lelaki	264	28.1
	Perempuan	675	71.9
Bangsa (N = 939)	Melayu	529	56.3
	Cina	290	30.9
	India	78	8.3
	Bumiputera	29	3.1
	Lain-Lain	13	1.4
Pengkhususan Di IPG (N = 939)	Bahasa Melayu	76	8.1
	Bahasa Inggeris	47	5.0
	Pra Sekolah	43	4.6
	Pendidikan Khas	77	8.2
	Kajian Sosial	39	4.2
	Matematik	156	16.6
	Sains	68	7.2
	Pendidikan Islam	92	9.8
	Pemulihan	59	6.3
	Pengajian Cina	113	12.0
	Pengajian Tamil	36	3.8
	Pendidikan Jasmani	34	3.6
	Reka Bentuk Dan Teknologi	34	3.6
	Seni Visual	23	2.4

	Muzik	14	1.5
	Bahasa Arab	21	2.2
	Sejarah	2	.2
	Lain-Lain	5	0.5
Lokasi Sekolah (N = 939)	Bandar	350	37.3
	Luar Bandar	543	57.8
	Pedalaman	46	4.9
Tahun Penempatan (N = 939)	2011	225	24.0
	2012	313	33.3
	2013	401	42.7

3.11 Tatacara Analisis Data

Setelah memperoleh data melalui kajian sebenar, analisis data dilakukan dengan menggunakan *SPSS versi 20.0*. Analisis data yang dilakukan terhadap item instrumen soal selidik Kajian Penilaian Objektif Pendidikan Program (PEO) graduan PISMP IPG. Bagi menganalisis data tahap PEO graduan PISMP IPG, penyelidik menggunakan perisian *SPSS versi 20.0* bagi setiap konstruk PEO dengan melihat nilai min dan sisihan piawai.

3.12 Rumusan

Bahagian ini membincangkan bagaimana kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap PEO graduan PISMP IPG. Sehubungan itu, satu set soal selidik secara *on-line* dibangunkan untuk mendapatkan data daripada responden mengikut zon selatan yang telah disasarkan. Pemilihan responden berdasarkan sampel rawak mudah kluster bertujuan kerana memilih graduan lepasan IPG yang mempunyai pengalaman mengajar tiga hingga lima tahun yang bertugas di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Jangka masa soal selidik ini ditadbir ialah lebih kurang enam bulan. Kajian bermula dengan pembinaan item, pemurnian item, kajian rintis, pembersihan item, kajian sebenar, analisis data dan pelaporan. Proses pentadbiran soal selidik bermula daripada pembinaan soal selidik yang sah, mendapatkan punca kuasa daripada IPGM dan seterusnya ke JPN, PPD dan sekolah. Graduan PISMP di sekolah (responden) menjawab soal selidik secara *on-line* secara pautan di web IPGKPM. Soal selidik dianalisis menggunakan perisian *SPSS* versi 20.0 dan hasil dapatan akan dibincangkan dalam Bab 4 iaitu dapatan kajian.

BAB 4

DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini melaporkan hasil dapatan kajian yang disusun dalam beberapa bahagian. Bahagian pertama memerihalkan profil responden secara deskriptif. Bahagian kedua membincangkan dapatan tahap pencapaian Objektif Program dalam Pendidikan graduan PISMP dalam bentuk min dan sisihan piawai. Bahagian ketiga membincangkan hubungan antara objektif program dengan demografi responden.

4.2 Analisis Responden Berdasarkan IPG Kampus

Kajian telah dijalankan kepada seluruh guru lepasan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) keluaran 27 Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh Malaysia yang telah mendapat penempatan di sekolah pada tahun 2011 hingga 2013. Data diperoleh melalui borang soal selidik secara dalam talian bermula pada 10 April 2016 hingga 30 April 2016. Jadual 4.1 menunjukkan seramai 939 orang responden yang terdiri daripada graduan PISMP dari 27 IPG telah menjawab soal selidik yang telah dimuat naik.

Jadual 4.1: Analisis Responden Berdasarkan IPG Kampus

IPG Kampus	Responden	Peratus
1. IPGKS	24	2.6
2. IPGKTAR	18	1.9
3. IPGKBL	39	4.2
4. IPGK Kent	6	.6
5. IPGK Gaya	12	1.3
6. IPGK Tawau	10	1.1
7. IPGK Keningau	8	.9
8. IPGK Bahasa	14	1.5
9. IPGK Teknik	35	3.7
10. IPGK Ilmu Khas	38	4.0
11. IPGK BM	34	3.6
12. IPGK Sultan Mizan	33	3.5
13. IPGK Dato Razali Ismail	37	3.9
14. IPGK Perlis	41	4.4
15. IPGK Bainun	67	7.1
16. IPGK Pulau Pinang	51	5.4
17. IPGK RM	55	5.9
18. IPGKPM	67	7.1
19. IPGKSAH	43	4.6
20. IPGKDA	33	3.5
21. IPGKTHO	39	4.2

22. IPGKTI	42	4.5
23. IPGK KB	31	3.3
24. IPGK TAA	48	5.1
25. IPGK Pendidikan Islam	30	3.2
26. IPGK Ipoh	67	7.1
27. IPGK Rajang	17	1.8
Jumlah Keseluruhan	939	100.0

4.3 Analisis Demografi Responden

Profil responden dalam Jadual 4.2 menunjukkan komposisi responden yang terdiri daripada graduan PISMP dari pelbagai jantina, bangsa, pengkhususan di IPG, lokasi sekolah dan tahun penempatan di sekolah. Seramai 264 (28.1%) responden terdiri daripada graduan PISMP lelaki dan 675 (71.9%) responden terdiri daripada graduan PISMP perempuan terlibat dalam kajian ini. Daripada 939 responden kajian, 529 orang (56.3%) terdiri daripada graduan PISMP berbangsa Melayu, 290 orang (30.9%) terdiri daripada graduan PISMP berbangsa Cina, 78 orang (8.3%) graduan PISMP berbangsa India, 29 orang (3.1%) graduan PISMP Bumiputera dan 13 orang (1.4%) Lain-lain. Manakala pengkhususan di IPG pula didapati graduan PISMP yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini terdiri daripada 18 pengkhususan di IPG yang dinyatakan iaitu pengkhususan Bahasa Melayu 76 orang (8.1%), Bahasa Inggeris 47 orang (5.0%), Pra sekolah 43 orang (4.6%), Pendidikan Khas 77 orang (8.2%), Kajian Sosial 39 orang (4.2%), Matematik 156 orang (16.6%), Sains 68 orang (7.2%), Pendidikan Islam 92 orang (9.8%), Pemulihan 59 orang (6.3%), Pengajian Cina 113 orang (12.0%), Pengajian Tamil 36 orang (3.8%), Pendidikan Jasmani 34 orang (3.6%), Bimbingan Kaunseling 3 orang (0.3%), Reka bentuk dan Teknologi 34 orang (3.6%), Seni Visual 23 orang (2.4%), Muzik 14 (1.5%), Bahasa Arab 21 orang (2.2%), Sejarah 2 orang (0.2%) dan lain-lain 2 orang (0.2%). Dapatan kajian menunjukkan seramai 939 orang graduan PISMP telah ditempatkan di tiga lokasi sekolah iaitu bandar 350 orang (37.3%), luar bandar 543 orang (57.8%) dan pedalaman 46 orang (4.9%). Majoriti responden kajian Penilaian Objektif Program ini adalah terdiri daripada graduan PISMP yang telah ditempatkan di sekolah pada tahun 2013 seramai 401 orang (42.7%) diikuti penempatan 2012 seramai 313 orang (33.3%) dan 2011 seramai 225 (24.0%).

Jadual 4.2: Analisis Demografi Responden

		Kekerapan	Peratus
Jantina (N = 939)	Lelaki	264	28.1
	Perempuan	675	71.9
Bangsa (N = 939)	Melayu	529	56.3
	Cina	290	30.9
	India	78	8.3
	Bumiputera	29	3.1
	Lain-Lain	13	1.4
Pengkhurusan Di IPG (N = 939)	Bahasa Melayu	76	8.1
	Bahasa Inggeris	47	5.0
	Pra Sekolah	43	4.6
	Pendidikan Khas	77	8.2
	Kajian Sosial	39	4.2
	Matematik	156	16.6
	Sains	68	7.2
	Pendidikan Islam	92	9.8
	Pemulihan	59	6.3
	Pengajian Cina	113	12.0
	Pengajian Tamil	36	3.8
	Pendidikan Jasmani	34	3.6
	Reka Bentuk Dan Teknologi	34	3.6
	Seni Visual	23	2.4
	Muzik	14	1.5
	Bahasa Arab	21	2.2
Sejarah	2	.2	
Lain-Lain	5	0.5	
Lokasi Sekolah (N = 939)	Bandar	350	37.3
	Luar Bandar	543	57.8
	Pedalaman	46	4.9
Tahun Penempatan (N = 939)	2011	225	24.0
	2012	313	33.3
	2013	401	42.7

4.4 Analisis Keseluruhan Elemen PEO

Bahagian ini melaporkan analisis elemen PEO secara keseluruhan terdahulu diikuti dengan laporan analisis item bagi setiap konstruk enam objektif program yang dikaji. Jadual 4.3 menunjukkan Peratusan Pencapaian *Programme Educational Objectives (PEO)* secara keseluruhan. Berdasarkan data, didapati peratusan pencapaian tertinggi ialah PEO1 (83.53%) iaitu berpengetahuan dan berkemahiran praktikal dalam bidang keguruan selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan, diikuti PEO 4 (83.41%) iaitu berupaya mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber. Manakala PEO 6 iaitu memiliki nilai dan sikap profesionalisme, ciri-ciri kepimpinan, berkemahiran sosial, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan dan PEO 5 iaitu mempamerkan kemahiran keusahawanan, pengurusan dan menyedari keperluan

pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan kerjaya, masing-masing memperoleh pencapaian peratus bawah 80% iaitu 78.71% dan 79.46%. Namun begitu pencapaian keseluruhan PEO adalah 81.82% pada tahap memuaskan.

Jadual 4.3: Analisis keseluruhan elemen PEO

Konstruk	Min	SP	Tahap
PEO 1	3.33	0.679	Tinggi
PEO 2	3.26	0.553	Tinggi
PEO 3	3.33	0.567	Tinggi
PEO 4	3.38	0.524	Tinggi
PEO 5	3.18	0.634	Tinggi
PEO 6	3.27	0.589	Tinggi

4.5 Analisis Tahap Kebolehan Graduan PISMP terhadap Konstruk PEO 1

Perbincangan terhadap dapatan hasil analisis bahagian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian 1 iaitu: Apakah tahap pengetahuan dan kemahiran praktikal graduan PISMP IPG bagi memenuhi kehendak organisasi?

4.5.1 Analisis Tahap Keseluruhan Elemen PEO 1

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG bagi keseluruhan konstruk PEO 1 mengikut urutan didapati konstruk kemahiran ($M=3.35$, $SP=0.547$) adalah lebih tinggi dan diikuti oleh konstruk pengetahuan ($M=3.26$, $SP=0.812$) seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.4. Keseluruhan kesemua konstruk elemen PEO 1 adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.4: Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 1

Konstruk	Min	SP	Tahap
Pengetahuan	3.26	0.812	Tinggi
Kemahiran	3.35	0.547	Tinggi
Keseluruhan	3.33	0.679	Tinggi

4.5.2 Analisis Tahap Konstruk Pengetahuan

Analisis Tahap Pengetahuan melibatkan dua aspek iaitu pengetahuan dasar dan pengetahuan perundangan seperti analisis berikut.

a) Analisis Tahap Pengetahuan Dasar

Berdasarkan Jadual 4.5 dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek pengetahuan dasar adalah pada tahap yang tinggi ($M=3.12$, $SP = 0.544$). Daripada dua item yang dikemukakan, item mengaitkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

(PPPM) memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.17$, $SP = 0.549$) berbanding item mengetahui Akta-Akta Pendidikan di Malaysia ($M=3.07$, $SP= 0.538$). Keseluruhan kesemua item konstruk Pengetahuan Dasar adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.5: Analisis Tahap Konstruk Pengetahuan Dasar

No	Item	Min	SP	Tahap
001	Mengaitkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025	3.17	0.549	Tinggi
002	Mengetahui Akta-Akta Pendidikan di Malaysia	3.07	0.538	Tinggi
Keseluruhan		3.12	0.544	Tinggi

b) Analisis Tahap Pengetahuan Perundangan

Berdasarkan Jadual 4.6, dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek pengetahuan undang-undang adalah pada tahap yang tinggi ($Min=3.39$, $SP=0.536$). Daripada dua item yang dikemukakan, item mengamalkan Tatasusila Profesion Perguruan memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.50$, $SP = 0.529$) berbanding item memahami buku peraturan disiplin murid ($M=3.28$, $SP =0.563$). Keseluruhan kesemua konstruk elemen PEO 1 adalah pada tahap tinggi. Keseluruhan kesemua item konstruk Pengetahuan Perundangan adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.6: Analisis Tahap Konstruk Pengetahuan Perundangan

No	Item	Min	SP	Tahap
003	Memahami buku peraturan disiplin murid	3.28	0.563	Tinggi
004	Mengamalkan Tatasusila Profesion Perguruan	3.50	0.529	Tinggi
Keseluruhan		3.39	0.536	Tinggi

4.5.3 Analisis Tahap Kemahiran Praktikal

Analisis Tahap Kemahiran melibatkan sembilan aspek iaitu pengetahuan dasar dan pengetahuan perundangan seperti analisis berikut.

a) Analisis Tahap Kemahiran Pedagogi

Berdasarkan Jadual 4.7, dapatan menunjukkan min pencapaian bagi keseluruhan aspek kemahiran pedagogi graduan PISMP adalah pada tahap yang tinggi ($Min=3.27$, $SP= 0.544$). Bagi konstruk Kemahiran pedagogi min pencapaian tertinggi ialah item menggunakan teknik pengajaran mengikut keupayaan murid ($M=3.43$, $SP= 0.562$), diikuti menjadi pakar rujuk kepada murid ($M=3.35$, $SP=0.551$), mempunyai idea baharu dalam kaedah pengajaran ($M=3.23$, $SP= 0.23$) dan min pencapaian terendah dalam konstruk pedagogi ialah item

menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran ($M=3.17$, $SP=0.547$). Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Pedagogi adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.7: Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Pedagogi

No	Item	Min	SP	Tahap
005	Menggunakan teknik pengajaran mengikut keupayaan murid	3.43	0.562	Tinggi
006	Menjadi pakar rujuk bidang kepada murid	3.35	0.551	Tinggi
007	Mempunyai idea baharu dalam kaedah pengajaran	3.23	0.523	Tinggi
008	Menggunakan KBAT (HOTS) dalam pengajaran	3.17	0.538	Tinggi
009	Mengaitkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam pengajaran	3.19	0.547	Tinggi
Keseluruhan		3.27	0.544	Tinggi

b) Analisis Tahap Kemahiran Kolaboratif

Jadual 4.8 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek kemahiran kolaboratif graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek kemahiran kolaboratif adalah pada tahap yang tinggi apabila min bersamaan dengan 3.41 dan sisihan piawai bersamaan dengan 0.523. Daripada empat item yang dikemukakan, item kemahiran pengajaran dan pembelajaran berorientasikan pengajaran mengikut keperluan kurikulum memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.48$, $SP=0.519$). Manakala item kemahiran pengajaran dan pembelajaran berkonsep kolaboratif dengan pihak berkepentingan dan item kemahiran pengajaran dan pembelajaran berdasarkan spesifikasi murid mengikut keperluan semasa memperoleh min pencapaian terendah iaitu ($M=3.34$, $SP=0.501$). Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Kolaboratif adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.8: Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Kolaboratif

No	Item	Min	SP	Tahap
010	P&P berorientasikan pengajaran mengikut keperluan kurikulum	3.48	0.519	Tinggi
011	P&P berkonsep kolaboratif dengan pihak berkepentingan.	3.34	0.562	Tinggi
012	P&P berdasarkan spesifikasi murid mengikut keperluan semasa.	3.34	0.501	Tinggi
013	P&P mengikut perkembangan murid	3.47	0.512	Tinggi
Keseluruhan		3.41	0.523	Tinggi

c) Analisis Tahap Amalan

Berdasarkan Jadual 4.9, memaparkan dapatan analisis min pencapaian aspek amalan graduan PISMP, dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi item amalan adalah pada tahap yang tinggi (Min=3.39, SP=0.512). Daripada tiga item amalan yang dikemukakan, aspek mengamalkan amalan pembelajaran dalam suasana kerja memperoleh min pencapaian tertinggi (M=3.45, SP=0.517), diikuti menganalisis keperluan latihan yang bersesuaian dengan tugas (M=3.3, SP=0.515) dan min terendah ialah item menggunakan kaedah menilai keberkesanan daripada latihan (M=3.33, SP= 0.513). Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Amalan adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.9: Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Amalan

No	Item	Min	SP	Tahap
014	Mengamalkan amalan pembelajaran dalam suasana kerja	3.45	0.517	Tinggi
015	Menganalisis keperluan latihan yang bersesuaian dengan tugas	3.39	0.515	Tinggi
016	Menggunakan kaedah menilai keberkesanan daripada latihan	3.33	0.513	Tinggi
Keseluruhan		3.39	0.512	Tinggi

d) Analisis Tahap Kemahiran Teknologi Maklumat

Jadual 4.10 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek pengetahuan teknologi maklumat graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek kemahiran teknologi maklumat adalah pada tahap yang tinggi (M=3.31, SP=0.560). Daripada dua item yang dikemukakan, item pembelajaran melalui latihan memberi kesan positif memperoleh min pencapaian tertinggi (M=3.39, SP=0.518) berbanding item mengaplikasikan perisian komputer (M=3.23, SP = 0.597). Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Teknologi Maklumat adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.10: Analisis Tahap Konstruk Teknologi Maklumat

No	Item	Min	SP	Tahap
017	Pembelajaran melalui latihan memberi kesan positif	3.39	.518	Tinggi
018	Mengaplikasikan perisian komputer.	3.23	.597	Tinggi
Keseluruhan		3.31	0.560	Tinggi

e) Analisis Tahap Kemahiran Interpersonal

Jadual 4.11 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek kemahiran interpersonal graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek kemahiran interpersonal adalah

tinggi ($M=3.33$, $SP=0.592$). Daripada empat item yang dikemukakan, item mengamalkan etika profesional memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.50$, $SP=0.513$), mempunyai kepimpinan dalam pengajaran ($Min=3.33$, $SP=0.581$) dan bertindak sebagai kaunselor apabila diperlukan oleh murid ($Min=3.31$, $SP=0.595$), manakala item kemahiran sebagai fasilitator memperoleh min pencapaian terendah iaitu ($M=3.16$, $SP=0.680$). Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Interpersonal adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.11: Tahap Konstruk Kemahiran Interpersonal

No	Item	Min	SP	Tahap
019	Mengamalkan etika profesional.	3.50	0.513	Tinggi
020	Mempunyai kepimpinan dalam pengajaran.	3.33	0.581	Tinggi
021	Bertindak sebagai kaunselor apabila diperlukan murid.	3.31	0.595	Tinggi
022	Sebagai fasilitator	3.16	0.680	Tinggi
Keseluruhan		3.33	0.592	Tinggi

f) Analisis Tahap Kemahiran Intrapersonal

Jadual 4.12 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek nilai intrapersonal graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek intrapersonal adalah pada tahap yang tinggi ($Min=3.48$, $SP=0.529$). Daripada lima item yang dikemukakan, item mengamalkan konsep hubungan profesional dengan murid ($M=3.51$, $SP = 0.519$) dan item mengamalkan konsep kerjasama dalam pasukan (*team work*) ($M=3.51$, $SP = 0.529$). Item mempunyai tanggung jawab dalam struktur organisasi ($M=3.50$, $SP=0.529$) dan item mengaitkan hubungan profesional dengan rakan sekerja ($M=3.48$, $SP=0.515$) memperoleh min pencapaian tertinggi berbanding item kolaboratif dengan ibu bapa murid ($M=3.39$, $SP = 0.553$). Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Intrapersonal adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.12: Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Intrapersonal

No	Item	Min	SP	Tahap
023	Saya mengamalkan konsep hubungan profesional dengan murid	3.51	0.519	Tinggi
024	Saya mengaitkan hubungan profesional dengan rakan sekerja	3.48	0.515	Tinggi
025	Saya mengamalkan konsep kerjasama dalam pasukan (<i>team work</i>)	3.51	0.529	Tinggi
026	Saya mempunyai tanggungjawab dalam struktur organisasi	3.50	0.529	Tinggi
027	Saya mempunyai kolaboratif dengan ibu bapa murid	3.39	0.553	Tinggi
Keseluruhan		3.48	0.529	Tinggi

g) Analisis Tahap Kemahiran Pemikiran

Jadual 4.13 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek kemahiran pemikiran graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek kemahiran pemikiran adalah pada tahap yang tinggi (Min=3.36 SP=0.537). Daripada tiga item yang dikemukakan, dua item yang mempunyai min tertinggi iaitu mempunyai daya pemikiran yang analitikal dalam pengajaran (Min=3.51 SP=0.519) dan boleh merangsang pemikiran pelajar (KBAT) semasa sesi P&P (Min=3.51 SP=0.529), manakala item min yang terendah ialah mempunyai pemikiran yang kreatif (Min=3.48, SP=0.515). Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Pemikiran adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.13: Tahap Konstruk Kemahiran Pemikiran

No	Item	Min	SP	Tahap
028	Mempunyai daya pemikiran yang analitikal dalam pengajaran	3.51	0.519	Tinggi
029	Mempunyai pemikiran yang kreatif	3.48	0.515	Tinggi
030	Merangsang pemikiran pelajar (KBAT) semasa sesi P&P	3.51	0.529	Tinggi
Keseluruhan		3.36	0.537	Tinggi

h) Analisis Tahap Kemahiran Komunikasi

Jadual 4.14 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek nilai kemahiran komunikasi graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek kemahiran komunikasi adalah pada tahap yang tinggi (Min=3.31, SP=0.548). Daripada dua item yang dikemukakan, min tertinggi iaitu bagi item mempunyai kemahiran mendengar dan berinteraksi (M=3.35, SP=0.523), diikuti dengan item penguasaan bahasa selain bahasa ibunda (M=3.27, SP = 0.594). Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Komunikasi adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.14: Tahap Konstruk Kemahiran Komunikasi

No	Item	Min	SP	Tahap
031	Mempunyai penguasaan bahasa selain bahasa ibunda	3.27	0.594	Tinggi
032	Mempunyai kemahiran mendengar dan berinteraksi	3.35	0.523	Tinggi
Keseluruhan		3.31	0.548	Tinggi

i) Analisis Tahap Kemahiran Penilaian

Jadual 4.15 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek nilai kemahiran penilaian graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek kemahiran penilaian adalah pada tahap yang tinggi (Min=3.23, SP=0.516). Daripada dua item yang dikemukakan, item

menggunakan kaedah menganalisis kekuatan diri memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.24$, $SP=0.518$), diikuti dengan item menggunakan kaedah menganalisis kelemahan diri ($M=3.21$, $SP=0.514$). Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Penilaian adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.15: Tahap Konstruk Kemahiran Penilaian

No	Item	Min	SP	Tahap
033	Saya boleh menggunakan kaedah menganalisis kekuatan diri	3.24	0.518	Tinggi
034	Saya boleh menggunakan kaedah menganalisis kelemahan diri	3.21	0.514	Tinggi
Keseluruhan		3.23	0.516	Tinggi

4.6 Analisis Tahap Kebolehan Graduan PISMP terhadap Elemen PEO 2

Perbincangan terhadap dapatan hasil analisis bahagian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian 2 iaitu: Apakah tahap kebolehan graduan PISMP IPG menyelesaikan masalah melalui pendekatan saintifik secara inovatif, kreatif dan beretika?

4.6.1 Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 2

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap keseluruhan konstruk elemen PEO 2 mengikut urutan didapati konstruk beretika ($M=3.37$, $SP=0.561$) dan pemikiran kreatif ($M=3.21$, $SP=0.554$) adalah paling tinggi berbanding konstruk pemikiran saintifik ($M=3.20$, $SP=0.543$). Dapatan ini menunjukkan tahap keseluruhan konstruk PEO 2, iaitu menyelesaikan masalah melalui pendekatan saintifik secara inovatif, kreatif dan beretika dalam kalangan graduan PISMP adalah pada tahap yang tinggi ($M=3.26$, $SP=0.553$) seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.16. Keseluruhan kesemua konstruk elemen PEO 2 adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.16: Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 2

Konstruk	Min	SP	Tahap
Pemikiran Saintifik	3.20	0.543	Tinggi
Pemikiran Kreatif	3.21	0.554	Tinggi
Beretika	3.37	0.561	Tinggi
Keseluruhan	3.26	0.553	Tinggi

4.4.2 Analisis Tahap Konstruk Pemikiran Saintifik

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap Konstruk Pemikiran Saintifik seperti Jadual 4.17 mempamerkan dapatan min pencapaian konstruk pemikiran saintifik graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi sembilan item konstruk pemikiran saintifik adalah tinggi ($M=3.39$, $SP=0.561$). Daripada sembilan item yang

dikemukakan, item mempunyai prinsip hidup yang tersendiri memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.31$, $SP = 0.579$) berbanding item membuat kesimpulan daripada informasi yang didapati dalam bentuk grafik ($M=3.12$, $SP = 0.581$) merupakan min terendah bagi konstruk pemikiran saintifik graduan PISMP. Tahap keseluruhan item bagi konstruk Pemikiran Sainifik adalah tinggi.

Jadual 4.17: Analisis Tahap Konstruk Pemikiran Sainifik

No	Item	Min	SP	Tahap
035	Mengumpulkan data melalui informasi.	3.22	.561	Tinggi
036	Menganalisis data yang didapati.	3.15	.553	Tinggi
037	Membuat kategori kepada informasi yang dapati.	3.20	.524	Tinggi
038	Menyatakan kesimpulan dari informasi yang didapati dalam bentuk laporan.	3.15	.540	Tinggi
039	Membuat kesimpulan dari informasi yang didapati dalam bentuk grafik.	3.12	.581	Tinggi
040	Memberikan pendapat berdasarkan fakta.	3.24	.500	Tinggi
041	Menghuraikan sesuatu berdasarkan konsepnya yang sebenar.	3.24	.494	Tinggi
042	Mempunyai prinsip hidup yang tersendiri.	3.31	.579	Tinggi
043	Percaya teori penting dalam menyebabkan sesuatu kesan.	3.20	.554	Tinggi
Keseluruhan		3.20	0.543	Tinggi

4.6.3 Analisis Tahap Konstruk Pemikiran Kreatif

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap Konstruk Pemikiran Kreatif adalah seperti Jadual 4.18 mempamerkan dapatan min pencapaian konstruk Pemikiran Kreatif graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi konstruk Pemikiran Kreatif ($M=3.21$, $SP=0.554$). Daripada sembilan item yang dikemukakan, item berkongsi idea dengan rakan-rakan bagi mengemukakan idea yang lebih bernas memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.44$, $SP = 0.526$). Manakala item menyampaikan sesuatu secara analogi (penyamaan) bagi menimbulkan penghayatan yang sebenar memperoleh tahap pencapaian terendah ($M=3.38$, $SP = 0.531$). Tahap keseluruhan item bagi konstruk Pemikiran Kreatif adalah tinggi.

Jadual 4.18: Tahap Konstruk Pemikiran Kreatif

No	Item	Min	SP	Tahap
044	Percaya teori penting dalam menyebabkan sesuatu kesan.	3.20	.554	Tinggi
045	Boleh menjana masalah yang sukar untuk diselesaikan oleh orang lain.	3.10	.599	Tinggi
046	Berminat menghasilkan idea baharu dalam menyelesaikan sesuatu masalah.	3.23	.522	Tinggi
047	Berminat berkongsi idea dengan rakan-rakan bagi mengemukakan idea yang lebih bernas.	3.44	.526	Tinggi

048	Mampu menimbulkan persoalan yang merujuk metafora (perumpamaan) yang tinggi.	3.12	.580	Tinggi
049	Memuji kemampuan rakan-rakan dengan perumpamaan yang membina.	3.35	.545	Tinggi
050	Banyak menyampaikan sesuatu secara analogi (penyamaan) bagi menimbulkan penghayatan yang sebenar.	3.07	.592	Tinggi
051	Menyimpan idea-idea untuk disampaikan dalam bentuk analogi.	3.13	.558	Tinggi
052	Menggunakan definisi yang sebenar dalam memahami sesuatu.	3.22	.507	Tinggi
Keseluruhan		3.21	0.554	Tinggi

4.6.4 Tahap Konstruk Etika

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap Konstruk Etika adalah seperti Jadual 4.19 mempamerkan dapatan min keseluruhan bagi lima item konstruk etika ($M=3.37$, $SP=0.561$). Daripada lima item yang dikemukakan, item melakukan sesuatu perkara akan mengelakkan diri daripada melanggar etika keguruan memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.45$, $SP = .531$). Manakala item menasihati pelajar melakukan sesuatu secara berhemah ($M=3.33$, $SP = .619$) dan item menjaga tutur kata semasa berinteraksi dengan murid atau rakan guru ($M=3.33$, $SP = .574$) masing-masing memperoleh min terendah bagi konstruk etika graduan PISMP. Tahap keseluruhan item bagi konstruk Etika adalah tinggi.

Jadual 4.19: Tahap Konstruk Etika Graduan PISMP

No	Item	Min	SP	Tahap
053	Mengelakkan diri daripada melanggar etika keguruan.	3.45	.531	Tinggi
054	Menasihati pelajar melakukan sesuatu secara berhemah.	3.33	.619	Tinggi
055	Menggunakan pendekatan berbeza ke atas pelajar yang mempunyai kepintaran berlainan.	3.40	.535	Tinggi
056	Menggalakkan pelajar mencapai kecemerlangan bagi memberikan inspirasi kepada pelajar	3.35	.546	Tinggi
057	Menjaga tutur kata semasa berinteraksi dengan murid atau rakan guru.	3.33	.574	Tinggi
Keseluruhan		3.37	0.561	Tinggi

4.7 Analisis Tahap Kebolehan Terhadap konstruk Elemen PEO 3

Perbincangan terhadap dapatan hasil analisis bahagian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian 3 iaitu; Apakah tahap kebolehan graduan PISMP IPG dalam berkomunikasi secara berkesan bagi memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris?

4.7.1 Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 3

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap keseluruhan konstruk PEO 3 mengikut urutan didapati konstruk Kemahiran Bacaan ($M=3.41$, $SP=0.531$) dan kemahiran Lisan ($M=3.39$, $SP=0.561$) adalah paling tinggi berbanding konstruk kemahiran menulis ($M=3.20$, $SP=0.609$). Dapatan ini menunjukkan tahap keseluruhan konstruk elemen PEO 3 iaitu; berkomunikasi secara berkesan dalam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam kalangan graduan PISMP adalah pada tahap yang tinggi ($M=3.33$, $SP=0.567$) seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.20. Keseluruhan kesemua konstruk Elemen PEO 3 adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.20: Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 3

Konstruk	Min	SP	Tahap
Kemahiran Lisan	3.39	0.561	Tinggi
Kemahiran Bacaan	3.41	0.531	Tinggi
Kemahiran Tulisan	3.20	0.609	Tinggi
Keseluruhan	3.33	0.567	Tinggi

4.7.2 Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Lisan

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap Konstruk Kemahiran Lisan seperti Jadual 4.21 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek kemahiran lisan graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi sembilan item aspek kemahiran lisan adalah tinggi ($M=3.39$, $SP=0.561$). Daripada sembilan item yang dikemukakan, item sedia berbincang tentang sesuatu perkara secara bertatasusila memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.55$, $SP = 0.525$) berbanding item menzahirkan idea yang inovatif dalam memperkukuh bahasa Inggeris ($M=3.25$, $SP = 0.621$) dan item menzahirkan idea yang kreatif dalam memperkukuh bahasa Inggeris. ($M=3.25$, $SP = 0.611$) yang masing-masing merupakan min terendah bagi aspek etika graduan PISMP. Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Lisan adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.21: Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Lisan

No	Item	Min	SP	Tahap
058	Mampu mendengar pendapat orang lain dengan baik.	3.40	.543	Tinggi
059	Sedia berbincang tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.	3.55	.525	Tinggi
060	Dapat berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara yang tepat secara bertatasusila.	3.49	.521	Tinggi

061	Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dari pelbagai media menggunakan ayat gramatis secara bertatasusila.	3.41	.558	Tinggi
062	Menzahirkan idea yang kreatif dalam memartabatkan bahasa Melayu.	3.32	.565	Tinggi
063	Menzahirkan idea yang inovatif dalam memartabatkan bahasa Melayu.	3.30	.582	Tinggi
064	Menzahirkan idea yang kreatif dalam memperkukuh bahasa Inggeris.	3.25	.611	Tinggi
065	Menzahirkan idea yang inovatif dalam memperkukuh bahasa Inggeris	3.25	.621	Tinggi
066	Berkomunikasi secara beradab	3.54	.521	Tinggi
Keseluruhan		3.39	0.561	Tinggi

4.7.3 Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Bacaan

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap Konstruk Kemahiran Bacaan adalah seperti Jadual 4.22 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek kemahiran bacaan graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek kemahiran bacaan ($M=3.41$, $SP=0.351$). Daripada dua item yang dikemukakan, item membaca pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.43$, $SP = 0.530$) berbanding item mentafsir maklumat yang tersirat dari pelbagai bahan untuk memberi respons dengan betul ($M=3.38$, $SP = 0.531$). Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Bacaan adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.22: Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Bacaan

No	Item	Min	SP	Tahap
067	Saya mentafsir maklumat yang tersirat dari pelbagai bahan untuk memberi respons dengan betul.	3.38	.531	Tinggi
068	Saya membaca pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata.	3.43	.530	Tinggi
Min Keseluruhan		3.41	0.531	Tinggi

4.7.4 Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Tulisan

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap Konstruk Kemahiran Tulisan adalah seperti Jadual 4.23 mempamerkan dapatan min keseluruhan bagi empat item aspek kemahiran tulisan ($M=3.20$, $SP=0.609$). Daripada empat item yang dikemukakan, item mampu memurnikan hasil penulisan dari aspek ejaan, penggunaan kata, tanda baca dan struktur ayat memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.26$, $SP=0.646$) berbanding item mampu menghasilkan penulisan kreatif dalam Bahasa Inggeris dengan baik ($M=2.93$, $SP=0.674$) merupakan min terendah bagi aspek kemahiran tulisan graduan PISMP.

Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Tulisan adalah pada tahap tinggi kecuali item 70; menghasilkan penulisan kreatif dalam Bahasa Inggeris dengan baik pada tahap yang sederhana.

Jadual 4.23: Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Tulisan

No	Item	Min	SP	Tahap
069	Saya mampu menghasilkan penulisan kreatif dalam Bahasa Melayu dengan baik.	3.26	.646	Tinggi
070	Saya mampu menghasilkan penulisan kreatif dalam Bahasa Inggeris dengan baik.	2.93	.674	Sederhana
071	Saya mampu mengedit hasil penulisan dari aspek ejaan, penggunaan kata, tanda baca dan struktur ayat.	3.31	.558	Tinggi
072	Saya mampu memurnikan hasil penulisan dari aspek ejaan, penggunaan kata, tanda baca dan struktur ayat.	3.29	.561	Tinggi
Keseluruhan		3.20	0.609	Tinggi

4.8 Tahap Keupayaan Graduan PISMP terhadap Elemen PEO 4

Perbincangan terhadap dapatan hasil analisis bahagian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian 4 iaitu; Apakah tahap keupayaan graduan PISMP IPG dalam mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber?

4.8.1 Tahap Keseluruhan Elemen PEO 4

Hasil analisis tahap keupayaan graduan PISMP IPG terhadap keseluruhan konstruk PEO 4 menunjukkan keupayaan graduan mencari dan mengurus maklumat yang relevan adalah pada tahap yang tinggi ($M=3.38$, $SP=0.524$). Hasil analisis menunjukkan kemahiran mengakses maklumat ($M=3.45$, $SP=0.512$) lebih tinggi berbanding kemahiran mengurus maklumat ($M=3.33$, $SP=0.531$) seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.24. Keseluruhan kesemua konstruk PEO 4 adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.24: Tahap Keseluruhan konstruk PEO 4

Konstruk	Min	SP	Tahap
Kemahiran Mengakses Maklumat	3.45	0.512	Tinggi
Kemahiran Mengurus Maklumat	3.33	0.531	Tinggi
Keseluruhan	3.38	0.524	Tinggi

a) Analisis Tahap Kemahiran Mengakses Maklumat

Hasil analisis tahap keupayaan graduan PISMP IPG terhadap seperti Jadual 4.25 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek kemahiran mengakses maklumat dalam kalangan graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi empat item aspek kemahiran akses ($M=3.45$, $SP=0.512$). Daripada empat item yang dikemukakan, item mengenal pasti maklumat yang diperlukan oleh tugas memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.47$, $SP=0.510$) berbanding item mengenal pasti sumber-sumber maklumat yang sesuai untuk menyiapkan tugas dengan cepat ($M=3.43$, $SP=0.512$) merupakan min terendah bagi aspek kemahiran akses graduan PISMP. Keseluruhan kesemua item konstruk Kemahiran Mengakses Maklumat adalah pada tahap tinggi.

Jadual 4.25: Analisis Tahap Kemahiran Mengakses Maklumat

No	Item	Min	SP	Tahap
073	Mengenal pasti maklumat yang diperlukan oleh tugas tersebut	3.47	.510	Tinggi
074	Membuat keputusan bagaimana saya boleh mencari maklumat tersebut	3.44	.518	Tinggi
075	Menyusun strategi mencari maklumat dengan cepat	3.45	.519	Tinggi
076	Mengenal pasti sumber-sumber maklumat yang sesuai untuk menyiapkan tugas dengan cepat	3.43	.512	Tinggi
Keseluruhan		3.45	0.512	Tinggi

b) Analisis Tahap Kemahiran Mengurus Maklumat

Hasil analisis tahap pencapaian graduan PISMP IPG terhadap Konstruk Kemahiran Mengurus Maklumat seperti Jadual 4.26 mempamerkan dapatan min pencapaian konstruk mengurus maklumat graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi sepuluh item konstruk kemahiran mengurus maklumat adalah tinggi ($M=3.38$, $SP=0.524$). Daripada sepuluh item yang dikemukakan, item menyusun maklumat memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.45$, $SP = 0.519$). Manakala item Menilai ketepatan maklumat yang digabung ($M=3.15$, $SP = 0.560$) memperoleh tahap pencapaian terendah bagi konstruk Kemahiran Mengurus Maklumat graduan PISMP. Tahap keseluruhan item bagi konstruk Kemahiran Mengurus Maklumat adalah tinggi.

Jadual 4.26: Analisis Tahap Kemahiran Mengurus Maklumat

No	Item	Min	SP	Tahap
077	Mengekstrak maklumat yang penting dari sumber	3.28	.536	Tinggi
078	Menganalisis maklumat yang diekstrak	3.25	.534	Tinggi
079	Mentafsir maklumat yang dianalisis	3.24	.534	Tinggi

080	Menggabung maklumat yang ditafsir	3.18	.559	Tinggi
081	Menilai ketepatan maklumat yang digabung	3.15	.560	Tinggi
082	Menyusun maklumat	3.45	.519	Tinggi
083	Memahami maklumat dengan mendalam	3.38	.517	Tinggi
084	Menyampaikan maklumat tersebut kepada pihak yang berkenaan secara inovatif	3.35	.541	Tinggi
085	Mempunyai keyakinan yang tinggi untuk belajar.	3.40	.522	Tinggi
Keseluruhan		3.38	0.531	Tinggi

4.9 Analisis Tahap Kebolehan Graduan PISMP terhadap Konstruk PEO 5

Perbincangan terhadap dapatan hasil analisis bahagian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian 5 iaitu; Apakah tahap kebolehan graduan PISMP IPG dalam kemahiran keusahawanan, pengurusan dan keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan kerjaya.

4.9.1 Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk PEO 5

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap keseluruhan konstruk PEO 5 mengikut urutan didapati konstruk kemahiran keusahawanan, pengurusan dan keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan kerjaya adalah pada tahap tinggi ($M=3.18$, $SP=0.531$). Konstruk kemahiran keusahawanan adalah lebih tinggi ($M=3.22$, $SP=0.608$) diikuti dengan konstruk kemahiran pembelajaran sepanjang hayat ($M=3.19$, $SP=0.613$) dan konstruk kemahiran pengurusan ($M=3.13$, $SP=0.681$). Dapatan ini menunjukkan tahap keseluruhan konstruk elemen PEO 5 menunjukkan skor min keseluruhan bagi tahap PEO 5 yang diperoleh bersamaan 3.18 dan sisihan piawai bersamaan 0.634 seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.27.

Jadual 4.27: Tahap Keseluruhan Konstruk PEO 5

Konstruk	Min	SP	Tahap
Kemahiran Keusahawanan	3.22	0.608	Tinggi
Kemahiran Pengurusan	3.13	0.681	Tinggi
Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat	3.19	0.613	Tinggi
Keseluruhan	3.18	0.634	Tinggi

4.9.2 Tahap Konstruk Kemahiran Keusahawanan

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap Konstruk Kemahiran Keusahawanan seperti Jadual 4.28 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek kemahiran keusahawanan. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek

mempamerkan kemahiran keusahawanan adalah pada tahap yang tinggi apabila min bersamaan dengan 3.22 dan sisihan piawai bersamaan dengan 0.608. Daripada 12 item yang dikemukakan, item boleh melaksanakan sesuatu pekerjaan berdasarkan kepada perancangan rapi memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.35$, $SP = 0.513$) manakala item melaksanakan kerja secara sendiri tanpa bantuan orang lain memperoleh min pencapaian terendah ($M=3.06$, $SP= 0.748$). Tahap keseluruhan item bagi konstruk kemahiran keusahawanan adalah tinggi.

Jadual 4.28: Tahap Konstruk Kemahiran Keusahawanan

No	Item	Min	SP	Tahap
086	Amat berbangga dengan hasil kerja saya	3.31	.518	Tinggi
087	Berupaya menjana idea setelah mempertimbangkan pelbagai alternatif.	3.28	.516	Tinggi
088	Mudah memahami orang lain.	3.29	.529	Tinggi
089	Memelihara hubungan professional dengan rakan sekerja.	3.11	.774	Tinggi
090	Melaksanakan sesuatu pekerjaan berdasarkan kepada perancangan rapi	3.35	.513	Tinggi
091	Melaksanakan kerja secara sendiri tanpa bantuan orang lain.	3.06	.748	Tinggi
092	Mencadangkan inovasi baharu dalam tugas	3.25	.587	Tinggi
093	Berusaha sedaya upaya untuk memenuhi kehendak orang lain.	3.27	.547	Tinggi
094	Berusaha untuk cemerlang	3.09	.677	Tinggi
095	Mencari jalan paling selamat berbanding pilihan yang lebih berisiko.	3.18	.625	Tinggi
096	Bertindak sekiranya tidak yakin tentang akibatnya.	3.22	.600	Tinggi
097	Dibatasi oleh keadaan yang perlu mematuhi peraturan dan arahan.	3.18	.666	Tinggi
Keseluruhan		3.22	0.608	Tinggi

4.9.3 Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Pengurusan

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap Konstruk Kemahiran Pengurusan adalah seperti Jadual 4.29 mempamerkan dapatan min pencapaian aspek kemahiran pengurusan. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek kemahiran pengurusan adalah pada tahap yang tinggi apabila min bersamaan dengan 3.13 dan sisihan piawai bersamaan dengan 0.680. Daripada lapan item yang dikemukakan, item memastikan perancangan PdP dapat dicapai memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.43$, $SP=0.522$) dan item sering menghadapi masalah untuk mengawal disiplin murid ketika PdP memperoleh min pencapaian terendah ($M=2.75$, $SP=0.940$). Tahap keseluruhan item bagi konstruk Kemahiran Pengurusan adalah tinggi.

Jadual 4.29: Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Pengurusan

No	Item	Min	SP	Tahap
098	Mengaplikasikan pengetahuan semasa PdP	3.31	.502	Tinggi
099	Sering keliru untuk menyusun bahan pengajaran berdasarkan topik	2.86	.932	Sederhana
100	Memastikan perancangan PdP dapat dicapai	3.43	.522	Tinggi
101	Yakin bahawa soalan kemahiran berfikir aras tinggi hanya membebaskan murid	2.84	.908	Sederhana
102	Sering membimbing murid menyelesaikan tugas yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi	3.36	.534	Tinggi
103	Sering menghadapi masalah untuk mengawal disiplin murid ketika PdP	2.75	.940	sederhana
104	Melaksanakan PdP secara teratur	3.35	.523	Tinggi
105	Berjaya mencapai semua objektif pengajaran semasa PdP	3.16	.585	Tinggi
Keseluruhan		3.13	0.680	Tinggi

4.9.4 Tahap Konstruk Pembelajaran Sepanjang hayat

Hasil analisis tahap kebolehan graduan PISMP IPG terhadap Konstruk Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat. Dapatan menunjukkan min pencapaian bagi keseluruhan aspek kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat Graduan PISMP adalah pada tahap yang tinggi apabila min bersamaan dengan 3.19 dan sisihan piawai bersamaan dengan 0.613. Min pencapaian tertinggi ialah item lebih mudah memahami sesuatu idea sekiranya dapat mengaplikasikannya secara praktikal ($M=3.34$, $SP=0.510$) manakala min pencapaian terendah ialah item orang lain lebih bijak belajar berbanding saya ($M=2.97$, $SP=0.721$). Tahap keseluruhan item bagi konstruk Pembelajaran Sepanjang Hayat adalah tinggi kecuali item 114; (Orang lain biasanya lebih bijak belajar berbanding saya) adalah pada tahap sederhana.

Jadual 4.30: Analisis Tahap Konstruk Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat

No	Item	Min	SP	Tahap
106	Sering memberi sumbangan pendapat semasa perbincangan berkumpulan	3.28	.542	Tinggi
107	Gembira untuk meneruskan pembelajaran saya walaupun tanpa galakan	3.31	.586	Tinggi
108	Memerlukan masa yang lebih lama berbanding orang lain untuk memahami sesuatu konsep.	3.06	.752	Tinggi
109	Mudah belajar melalui pembacaan dan berfikir tentangnya.	3.10	.699	Tinggi
110	Mudah belajar ketika bersendirian.	3.10	.635	Tinggi
111	Mudah bagi saya untuk menerima idea baharu.	3.27	.549	Tinggi

112	Saya pasti bahawa saya boleh mencapai kriteria yang ditetapkan untuk sesuatu kursus	3,26	.524	Tinggi
113	Menganggap orang lain lebih bijak belajar.	2.97	.721	Sederhana
114	Mudah memahami sesuatu idea	3.34	.510	Tinggi
Keseluruhan		3.19	0.613	Tinggi

4.10 Tahap Keupayaan Graduan PISMP terhadap Konstruk Elemen PEO 6

Perbincangan terhadap dapatan hasil analisis bahagian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian 6 iaitu; Apakah tahap keupayaan graduan PISMP dalam memiliki nilai dan sikap profesionalisme, ciri-ciri kepimpinan, berkemahiran sosial, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan?

4.10.1 Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 6

Hasil analisis tahap keupayaan graduan PISMP nilai dan sikap graduan PISMP IPG terhadap keseluruhan konstruk PEO 6 mengikut urutan didapati konstruk nilai profesionalisme ($M=3.41$, $SP=0.531$), nilai kerja berpasukan ($M=3.34$, $SP=0.516$), nilai tanggungjawab ($M=3.26$, $SP=0.592$) nilai kepimpinan ($M=3.18$, $SP=0.626$) dan nilai sosial ($M=3.14$, $SP=0.670$). Dapatan ini menunjukkan tahap keseluruhan konstruk PEO 6, iaitu nilai dan sikap profesionalisme, ciri-ciri kepimpinan, berkemahiran sosial, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan dalam kalangan graduan PISMP pada tahap yang tinggi ($M=3.27$, $SP=0.589$) seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.31. Tahap keseluruhan konstruk Elemen PEO 6 adalah tinggi.

Jadual 4.31: Analisis Tahap Keseluruhan Konstruk Elemen PEO 6

Konstruk	Min	SP	Tahap
Nilai Profesionalisme	3.41	0.541	Tinggi
Nilai Kepimpinan	3.18	0.626	Tinggi
Nilai Sosial	3.14	0.670	Tinggi
Nilai Tanggungjawab	3.26	0.592	Tinggi
Nilai Kerja Berpasukan	3.34	0.516	Tinggi
Keseluruhan	3.27	0.589	Tinggi

4.10.2 Tahap Konstruk Nilai Profesional

Hasil analisis tahap sikap graduan PISMP IPG terhadap konstruk nilai profesional seperti Jadual 4.32 mempamerkan tahap nilai profesionalisme graduan PISMP adalah tinggi. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi aspek nilai profesionalisme bersamaan 3.41 dengan sisihan piawai bersamaan 0.541. Daripada tiga item yang dikemukakan, item

melaksanakan tugas mengikut perancangan strategik sekolah memperoleh min pencapaian tinggi ($M=3.44$, $SP=0.511$) manakala item bersikap profesional dalam menjalankan tugas dan item mencintai profesion sebagai pendidik mendapat min ($M=3.40$, $SP=0.582$) dan ($M=3.40$, $SP=0.530$). Keseluruhan tahap konstruk Nilai Profesional adalah tinggi.

Jadual 4.32: Analisis Tahap Konstruk Nilai Profesionalisme

No	Item	Min	SP	Tahap
115	Melaksanakan tugas mengikut perancangan strategik sekolah	3.44	.511	Tinggi
116	Bersikap profesional dalam menjalankan tugas	3.40	.530	Tinggi
117	Mencintai profesion sebagai pendidik	3.40	.582	Tinggi
Keseluruhan		3.41	0.541	Tinggi

4.10.3 Analisis Tahap Konstruk Nilai Sosial

Hasil analisis mempamerkan dapatan min pencapaian aspek nilai sosial graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan tahap sosial adalah ($M=3.14$, $SP=0.670$) Daripada dua item yang dikemukakan, item boleh menenteramkan diri saya apabila dalam tekanan memperoleh tahap nilai tinggi ($M=3.18$, $SP=0.580$) berbanding item prihatin terhadap persekitaran ($M=3.10$, $SP=0.760$). Keseluruhan tahap konstruk Nilai Sosial adalah tinggi.

Jadual 4.33: Analisis Tahap Konstruk Nilai Sosial

No	Item	Min	SP	Tahap
118	Prihatin terhadap persekitaran saya	3.10	0.760	Tinggi
119	Boleh menenteramkan diri saya apabila dalam tekanan	3.18	0.580	Tinggi
Keseluruhan		3.14	0.670	Tinggi

4.10.4 Analisis Tahap Nilai Kepimpinan

Hasil analisis Jadual 4.7 menunjukkan min keseluruhan bagi item nilai kepimpinan adalah pada tahap tinggi apabila min bersamaan dengan 3.18 dan sisihan piawai bersamaan dengan 0.626. Daripada tujuh item yang dikemukakan, aspek item menilai ahli kumpulan dari sudut yang positif ($M=3.38$, $SP=0.518$) memperoleh min pencapaian tahap tinggi manakala terdapat dua item memperoleh tahap sederhana, iaitu item mengenal pasti masalah sebelum bertindak ($M=2.94$, $SP=0.833$) dan item menjadi pemudah cara dalam perbincangan ($M=2.80$, $SP=0.865$). Keseluruhan tahap konstruk Nilai Kepimpinan adalah tinggi.

Jadual 4.34: Analisis Tahap Konstruk Nilai Kepimpinan

No	Item	Min	SP	Tahap
120	Mengenal pasti masalah sebelum bertindak	2.94	.833	Sederhana
121	Memberi cadangan penyelesaian yang sesuai sekiranya ada masalah	3.27	.522	Tinggi
122	Menjadi pemudah cara dalam perbincangan	2.80	.865	Sederhana
123	Membuat semakan terakhir sesuatu projek sebelum dihantar	3.38	.534	Tinggi
124	Memastikan projek dilaksanakan mengikut perancangan.	3.20	.581	Tinggi
125	Mengagihkan tugas kepada ahli kumpulan mengikut kepakaran	3.26	.531	Tinggi
126	Menilai ahli kumpulan saya dari sudut yang positif	3.38	.518	Tinggi
Keseluruhan		3.18	0.626	Tinggi

4.8.5 Analisis Tahap Konstruk Nilai Tanggungjawab

Analisis pada Jadual 4.35 mempamerkan dapatan nilai tanggungjawab graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan bagi sembilan item aspek nilai tanggungjawab ialah 3.26. Daripada 16 item yang dikemukakan, item menggunakan kemudahan sekolah semasa melaksanakan pengajaran memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.39$, $SP=0.563$) manakala item melaksanakan tugas secara berkesan dalam kumpulan ($M=2.96$, $SP=0.835$) yang merupakan min terendah pada tahap sederhana. Keseluruhan tahap Nilai Tanggungjawab adalah tinggi.

Jadual 4.35: Analisis Tahap Konstruk Nilai Tanggungjawab

No	Item	Min	SP	Tahap
127	Melakukan inovasi dalam pengajaran	3.14	.696	Tinggi
128	Menggunakan kemudahan sekolah semasa melaksanakan pengajaran	3.39	.563	Tinggi
129	Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selesa	3.13	.737	Tinggi
130	Memiliki disiplin diri yang tinggi	3.28	.644	Tinggi
131	Mengembangkan potensi murid dengan kemahiran tambahan	3.31	.514	Tinggi
132	Melaksanakan refleksi bagi menambah baik pengajaran	3.35	.534	Tinggi
133	Berkemahiran sebagai pemudah cara kepada murid	3.34	.511	Tinggi
134	Melaksanakan penilaian sendiri bagi memperbaiki kualiti pengajaran	3.34	.590	Tinggi
135	Berkemahiran dalam menguruskan sumber bagi tujuan pembelajaran	3.09	.656	Tinggi
136	Berkemahiran dalam hubungan kemanusiaan	3.30	.571	Tinggi
137	Berkemahiran dalam menguruskan kelas/bengkel/ amali	3.30	.558	Tinggi

138	Melaksanakan tugas secara koperatif	3.29	.507	Tinggi
139	Mengamalkan prinsip kerja berpasukan	3.32	.514	Tinggi
140	Melaksanakan tugas secara berkesan dalam kumpulan	2.96	.835	Sederhana
141	Berkomunikasi secara berkesan dalam kumpulan	3.34	.508	Tinggi
142	Memiliki motivasi sendiri yang tinggi	3.34	.537	Tinggi
Keseluruhan		3.26	.592	Tinggi

4.10.6 Analisis Tahap Konstruk Nilai Kerja Berpasukan

Jadual 4.36 mempamerkan dapatan tahap pencapaian aspek nilai kerja berpasukan graduan PISMP. Dapatan menunjukkan min keseluruhan tahap nilai kerja berpasukan adalah tinggi ($M=3.34$, $SP=.516$). Daripada tiga item yang dikemukakan, item bertukar-tukar pandangan dengan orang lain bagi memperbaiki pencapaian pasukan. Memperoleh min pencapaian tertinggi ($M=3.35$, $SP=.525$) berbanding item bersikap terbuka untuk mendengar pandangan orang lain ($M=3.33$, $SP=.518$). Keseluruhan tahap konstruk Nilai Kerja Berpasukan adalah tinggi.

Jadual 4.36: Analisis Konstruk Nilai Kerja Berpasukan

No	Item	Min	SP	Tahap
143	Bertukar-tukar pandangan dengan orang lain bagi memperbaiki pencapaian pasukan.	3.35	.525	Tinggi
144	Mengambil keputusan setelah mendengar pandangan anggota kumpulan yang lain.	3.34	.506	Tinggi
145	Bersikap terbuka untuk mendengar pandangan orang lain	3.33	.518	Tinggi
Keseluruhan		3.34	0.516	Tinggi

4.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, analisis yang telah dibincangkan dalam bahagian ini telah memberi gambaran yang jelas dan menyeluruh mengenai tahap PEO guru baharu. Analisis kajian yang telah dijalankan ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan melaporkan hasil analisis melalui borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS IBM.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan objektif utama kajian untuk mengenal pasti tahap PEO guru lulusan PISMP, IPG. Penyelidik mengemukakan perbincangan tentang keseluruhan analisis dapatan kajian yang bertujuan kepada persoalan kajian yang dibentuk dan berdasarkan dapatan kajian yang telah dianalisis bagi menjawab persoalan kajian. Penyelidik juga mengemukakan implikasi dan cadangan untuk kajian lanjutan.

5.2 Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan kajian ini berdasarkan kepada perkara yang akan diperjelaskan seperti berikut:

5.2.1 Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Praktikal

Secara keseluruhan semua elemen dalam pengetahuan dan kemahiran praktikal iaitu pengetahuan pedagogi, pengetahuan perundangan, pengetahuan dasar, pengetahuan kolaboratif dan pengetahuan amalan pembelajaran berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan dan kemahiran praktikal graduan PISMP IPG bagi memenuhi kehendak organisasi dan pelanggan adalah tinggi. Hasil kajian ini seiringan dengan kajian Jamilah et al., (2016) yang mendapati semakin tinggi pengetahuan dan kemahiran praktikal diamalkan dalam kalangan pemimpin sekolah, semakin tinggi tahap kualiti guru dapat dihasilkan. Ini jelas membuktikan bahawa amalan pengetahuan dan kemahiran praktikal membantu dalam pembentukan kemahiran dan peningkatan kualiti guru, dan ini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih efektif dan kondusif. Dapatan kajian ini juga bersesuaian dengan dapatan Suzlina dan Jamaludin (2016) yang menyatakan tahap pengetahuan dan kemahiran praktikal yang tinggi dalam kalangan guru dapat membantu pelajar dalam pelbagai aspek kecemerlangan kualiti diri. Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian Ket et al., (2014) yang mendapati tahap pengetahuan dan kemahiran praktikal yang tinggi dalam kalangan guru akan memupuk dan meningkatkan lagi pengajaran kreatif siswa guru di sekolah demi menjana modal insan yang kreatif dan inovatif.

Selari dengan kajian Yahaya (2006), mendapati guru yang mempunyai kecekapan pengetahuan pedagogi yang profesional dalam kalangan pendidik, secara tidak langsung kualiti pendidikan akan dapat dipertingkatkan. Kaprawi dan Azroai (2009) berpendapat, kunci yang perlu dimiliki oleh setiap pendidik adalah kecekapan atau kompetensi yang dimaksudkan sebagai satu set pengetahuan dan kemahiran mengajar dalam melaksanakan tugas profesionalnya supaya matlamat pendidikan dapat dicapai dengan baik.

Menurut Yahaya (2006) dan Davis et al., (2009) menyatakan bahawa aspek pengetahuan perundangan, kemahiran, sikap dan profesional yang tinggi dalam kalangan guru akan memudahkan matlamat sesebuah negara mencapai visi dan misi pendidikan dengan baik. Kenyataan ini disokong oleh Majumdar (2009), yang menyatakan profesion pendidikan kini memerlukan pendidik yang mempunyai pengetahuan dasar dan mempunyai pelbagai kemahiran untuk memenuhi cabaran dunia pendidikan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat. Menurutnya lagi, profesionalisme yang tinggi perlu ditekankan dalam setiap diri pendidik untuk menunjukkan mereka adalah lebih profesional dalam semua bidang dan disiplin dalam mendidik pelajar.

Justeru itu, menurut Howard (2000), pendidik perlu mengutamakan kecekapan pengetahuan kolaboratif dan kemahiran kaunseling kerjaya pelajar untuk memudahkan pendidik meningkatkan kemahiran dalam pendekatan pengajaran mereka. Manakala Fien et. al., (2001), menyatakan integriti pendidik adalah ciri-ciri positif kualiti yang unggul wujud dengan sendirinya berdasarkan etika dan piagam pelanggan berasaskan sistem dan proses kerja dan pematuhan kepada amalan terbaik. Beliau menambah, pendidik yang mempunyai dan mengaplikasikan kemahiran kolaboratif dapat melaksanakan tugas dengan lebih cekap.

Pavlova (2009) dalam kajiannya menyatakan, aspek pengetahuan amalan pembelajaran perlu mengutamakan tindakan, akauntabiliti, integriti dan amanah. Menurutnya lagi, pendidik seharusnya bertanggungjawab dengan sentiasa berfikir untuk masa depan murid-murid. Selain itu, guru yang mempunyai tahap yang tinggi dari segi kesabaran, belas kasihan, penyayang, dapat memupuk suasana dalam bilik darjah agar menimbulkan keseronokan apabila belajar.

5.2.2 Tahap pendekatan saintifik, inovatif, kreatif dan beretika

Secara keseluruhan semua elemen dalam pengetahuan dan kemahiran praktikal iaitu pendekatan saintifik, inovatif, kreatif dan beretika berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian Luis (2012), yang melaporkan bahawa tahap pendekatan saintifik dalam kalangan guru baharu di Amerika berada dalam tahap yang tinggi. Perkara ini meliputi pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru baharu, bahkan ketika ini di negara-negara Barat banyak aspek pemikiran saintifik yang telah difahami oleh guru baharu dan berjaya dilaksanakan dengan sempurna.

Di Asia dan negara-negara dunia ketiga pula kebanyakannya, telah menetapkan pemikiran saintifik perlu dikuasai oleh guru baharu dan termaktub dalam kurikulum pendidikan secara eksplisit (Luis, 2012). Perkara ini berbeza kerana di Barat aplikasi pemikiran saintifik dalam pengajaran dan pembelajaran telah mula dilaksanakan pada tahun 1968 (Popper, 1968), dan berkembang sehingga menjadi popular pada tahun-tahun berikutnya oleh Ruse 1979, 1988; Sober 1984; Thagard 1992 dan Pickett et. al., 1994. Aplikasi pemikiran saintifik dalam era ini banyak berkisar tentang penggunaan hipotesis dalam membuat ramalan tentang sesuatu perkara atau kejadian, membuat kesimpulan berdasarkan bukti, keselarasan dalam membuat formula, istilah dan ujian. Pendekatan saintifik didapati menjadikan pelajar dapat menguasai kemahiran asas seperti penaakulan, memberikan bukti dari realiti dan melaksanakan sesuatu secara amali dalam kehidupan seharian (Luis, 2012).

Pendekatan inovatif dalam kalangan pelajar untuk menyelesaikan sesuatu masalah bukanlah perkara yang baharu. Kajian yang dijalankan oleh Rossyahida (2011) mendapati pelajar-pelajar dapat menyelesaikan masalah semasa, sama ada dalam aspek teknikal atau pedagogi melalui inovasi. Kajiannya mendapati pembelajaran yang berorientasikan inovasi yang telah diperkenalkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan berupaya melahirkan guru yang kreatif dan berinovatif khususnya dalam aspek pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Kajian Robiah dan Nor Sakinah (2007) mendapati guru-guru yang berfikiran inovatif sentiasa sering memikirkan suatu kaedah yang baharu dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran atau tugas yang diberi di sekolah. Mereka akan memikirkan apakah cara, kaedah atau strategi baharu dalam melaksanakan tugas mereka.

Dapatan kajian ini bersesuaian dengan kajian Chew (2014) yang mendapati pelajar-pelajar yang mempunyai tahap pendekatan kreatif apabila didedahkan dengan pelbagai masalah yang memerlukan kemahiran berfikir secara kreatif dapat menjana pelbagai bentuk kisah atau peristiwa untuk diselesaikan oleh mereka. Di samping itu mereka juga dapat memberikan pandangan dan idea dalam bentuk sumbang saran yang bermakna. Dapatan

ini sesuai dengan kajian Siti Zabidah (2006) mendapati pelajar-pelajar mempunyai tahap pemikiran kreatif yang tinggi jika didedahkan dengan konsep pendekatan kreatif dalam pembelajaran. Mereka juga seringkali memberikan idea-idea yang bernas dalam menyelesaikan masalah yang ditimbulkan daripada sesuatu situasi. Idea-idea mereka bukan sahaja bernas, bahkan banyak mengemukakan idea baharu yang belum difikirkan sebelum ini.

Dalam elemen pendekatan beretika, dapatan kajian ini bersesuaian dengan Stone (1992) yang mendapati bahawa pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya perlu bagi seorang guru untuk menyampaikan pengajaran. Tanpa ilmu pengetahuan yang mencukupi, para guru akan terperangkap dalam arus reformasi yang begitu hebat melanda profesion perguruan. Peranan guru dan profesion perguruan kini sudah semakin bertambah. Guru bukan hanya sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar, tetapi juga menjalankan tugas sebagai pemimpin, pengubah sosial, pereka, penilai, perancang kurikulum, pemupuk semangat pelajar dan berperanan sebagai ahli psikologi secara tidak langsung (Fagan, 2007).

5.2.3 Tahap Berkomunikasi Berkesan

Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan tahap berkomunikasi berkesan dalam aspek kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis adalah pada tahap tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru lepasan PISMP berupaya berkomunikasi dengan berkesan sama ada dengan pentadbir, pelajar, staf sokongan dan ibu bapa pelajar. Guru yang kaya dengan kosa kata, boleh berbicara dengan baik, boleh menyampaikan maklumat dengan bertatasusila, berupaya mengajar dan mendidik seterusnya berinteraksi dengan masyarakat di sekeliling. Hal ini selaras dengan pandangan Wan Mohd Nor (1997) yang mengatakan bahawa guru yang rajin membaca akan memudahkan para pelajar menjadikannya sumber rujukan apabila timbulnya sesuatu persoalan.

Dapatan ini bersesuaian dengan kajian Maharam (2016), Nor Fadila et al., (2005) dan Zamri et al., (2009) yang mendapati kebanyakan guru-guru mempunyai penguasaan kemahiran berkomunikasi yang tinggi dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Antara aspek-aspek komunikasi yang dikaji meliputi pengetahuan tentang tatabahasa, intonasi dan cara berkomunikasi khususnya semasa menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Penguasaan guru-guru ini dapat dibuktikan dengan peningkatan penguasaan pelbagai elemen bertutur dalam kalangan pelajar.

Walau bagaimana pun dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Adibah dan Azizah (2007), Mohd Hasimi et al., (2017), Nor Haliza dan Khaidzir (2010) dan Norhasniza et al., (2010) yang mendapati penguasaan guru-guru dalam aspek berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan Inggeris adalah pada tahap sederhana. Kajian mereka mendapati guru-guru yang mempunyai latar belakang dalam aliran Sains didapati menguasai komunikasi dalam Bahasa Inggeris lebih tinggi berbanding dengan guru-guru yang mempunyai latar belakang aliran Sastera yang hanya menguasai kemahiran dalam Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan kajian Salmi et al., (2014) yang mendapati kemahiran komunikasi pelajar pendidikan adalah pada tahap yang tinggi. Namun begitu, tahap kebolehan berbahasa Inggeris masih berada pada tahap yang rendah. Kajiannya juga mendapati bahawa kemahiran komunikasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Berdasarkan kajian ini, pihak yang bertanggungjawab harus memberikan perhatian dalam memastikan bakal guru terus memiliki pengetahuan bahasa yang baik sama ada Bahasa Melayu mahupun Bahasa Inggeris yang seterusnya dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan bakal guru di Malaysia.

5.2.4 Tahap Mencari dan Mengurus Maklumat yang Relevan

Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan bagi empat item aspek kemahiran mengakses maklumat berada pada tahap tinggi. Menurut Saemah dan Siti Fatimah (2008), mengakses bahan daripada Internet merupakan salah satu ciri utama dalam pembelajaran era digital dan globalisasi. Mereka juga menekankan kemahiran memproses dan mempelajari bahan berbentuk hiperteks, membuat refleksi meta kognitif bagi menjelaskan langkah-langkah yang diambil dalam mengakses dan mempelajari bahan hipertensi secara atas talian. Dalam erti kata lain kemahiran mengakses maklumat sangat ditekankan dan begitu penting bagi guru baharu.

Dalam aspek kemahiran penilaian guru baharu PISMP, mereka perlu mahir membuat penilaian dalam mengekstrak maklumat yang penting dari sumber, menganalisis maklumat yang diekstrak, mentafsir maklumat yang dianalisis, menggabungkan maklumat yang ditaksir, menilai ketepatan maklumat yang digabung, menyusun maklumat dan mengkategorikan dan mengelompokkan maklumat (*Association of College and Research Libraries*, 2000). Ciri-ciri ini melibatkan proses menganalisis dan mensintesis maklumat yang ada berdasarkan penilaian guru. Ini adalah selari dengan pandangan *Association of College and Research Libraries* (2000), dalam *Information Literacy Competency Standards for Higher Education* yang mengatakan bahawa seorang pelajar yang celik maklumat (*information literate*) berkebolehan mengenal pasti jenis dan tahap maklumat yang diperlukan, mencapai

maklumat yang diperlukan dengan cekap dan berkesan, menilai maklumat dan sumbernya secara kritikal, menerapkan maklumat terpilih ke dalam asas pengetahuan dan sistem nilainya, secara persendirian atau sebagai ahli kumpulan, mengguna maklumat untuk mencapai matlamat tertentu, memahami isu ekonomi, perundangan dan sosial mengenai penggunaan maklumat, mencapai dan mengguna maklumat secara sah dan beretika.

Dalam elemen penggunaan maklumat, guru baharu PISMP mereka didapati mempunyai keyakinan yang tinggi untuk belajar tetapi masih kurang memahami maklumat secara mendalam dan kurang yakin menyampaikan maklumat secara inovatif kepada pihak yang berkepentingan. Dapatan ini selaras dengan Bruce (2002) yang menyatakan pengurusan dan penggunaan maklumat merupakan literasi yang kritikal dan penting dalam kehidupan masyarakat abad ke-21 umumnya. Bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru baharu PISMP, wajar sekiranya diadakan beberapa kaedah pengajaran literasi maklumat dan pendidikan pengguna iaitu sebagai kursus wajib, sesi latihan penyertaan secara sukarela, dan sesi latihan dalam subjek/kursus terjadual atau atas permintaan.

5.2.5 Tahap Kemahiran Keusahawanan, Pengurusan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Dapatan kajian menunjukkan aspek kemahiran keusahawanan, pengurusan dan pembelajaran sepanjang hayat ialah pada tahap tinggi. Ini selaras dengan hasil kajian oleh Sarebah Warman et al., (2010), menunjukkan kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan dan penerapan kemahiran keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhannya adalah tinggi. Manakala dapatan kajian oleh Norfadhilah dan Halimah (2010), yang mendapati bahawa ciri keusahawanan iaitu bertenaga, bertanggungjawab, berkeyakinan diri, berpandangan jauh, komited kepada kerja, kreatif dan inovatif serta mempunyai lokus kawalan dalaman dalam kalangan pelajar IPTA adalah pada tahap tinggi kecuali ciri berani mengambil risiko berada pada tahap sederhana. Oleh itu jelaslah di sini, Institusi pendidikan dan latihan perlu memainkan peranan dalam membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar dalam menjana kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam aspek kemahiran pengurusan guru baharu PISMP pula, dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Zahara dan Nik Azleena (2007), yang menunjukkan aspek pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran pada keseluruhannya adalah pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang tinggi bagi mengurus dan merancang aktiviti pembelajaran sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Oleh itu adalah menjadi satu keperluan bagi guru-guru baharu

PISMP untuk meningkatkan lagi kemahiran pengurusan merancang aktiviti pembelajaran mereka dengan memberi penekanan kepada aspek pembelajaran sepanjang hayat agar kompetensi pedagogi pengajaran guru-guru baharu ini terus mencapai kecemerlangan bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Malaysia agar benar-benar mencapai hasratnya.

Dalam aspek kemahiran pembelajaran sepanjang hayat guru baharu PISMP dapatan kajian ini seiringan dengan dapatan kajian oleh Zarina (2014), yang mendapati tahap pembelajaran sepanjang hayat pelajar adalah tahap tinggi. Ini menunjukkan guru baharu PISMP mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dalam meningkatkan lagi kompetensi pedagogi mereka bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

5.2.6 Tahap Nilai dan Sikap Profesionalisme, Kepimpinan, Kemahiran Sosial, bertanggungjawab dan Kerja Berpasukan

Hasil kajian mendapati nilai profesionalisme kepimpinan, kemahiran sosial, bertanggungjawab dan kerja berpasukan adalah tinggi. Responden menunjukkan ciri-ciri professional dalam menjalankan tanggung jawab yang diberi. Pendidik profesional yang dimaksudkan adalah pendidik yang berkualiti, berkemampuan dan pendidik yang diharapkan dapat membantu meningkatkan prestasi murid serta mampu memotivasikan mereka untuk belajar. Namun begitu, pada realitinya kemenjadian guru profesional memerlukan masa yang panjang untuk dihasilkan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap profesionalisme guru adalah baik. Responden dapat menghayati, memahami dan mematuhi Kod Etika yang digariskan oleh KPM untuk lahir sebagai seorang pendidik. Mereka menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi kepada semua murid; menghormati sosial, budaya, bahasa, agama, latar belakang etnik, dan komited terhadap usaha meninggikan pencapaian pendidikan mereka. Pada masa yang sama semua murid dilayan dengan adil dan saksama secara berterusan, dengan menghormati dan memahami perkembangan pembelajaran yang pelbagai dalam diri seseorang murid. Menurut Grimlett dan MacKinnon (1992), penguasaan aspek-aspek nilai profesionalisme akan dapat membentuk satu asas pengetahuan pedagogi pelajar. Pemahaman tentang apa yang pelajar percaya, apa yang mereka perlu ambil berat dan apa tugas yang mereka inginkan adalah perlu untuk memotivasikan pelajar supaya mereka bekerja kuat dan memperoleh kejayaan.

Dalam elemen kerja berpasukan dapatan kajian ini menyokong pendapat Lussier dan Achua (2001), sesebuah pasukan kerja yang berkesan, memerlukan ahlinya memiliki ciri-ciri untuk menjayakan matlamatnya iaitu mencapai sinergi, saling menolong antara ahli dan penilaian sebaya, berinovasi dan mencapai kemajuan yang berterusan, kepuasan ahli yang tinggi serta mematuhi kehendak ahli dari segi psikologi. Menurut Rees (1991), salah satu ciri utama yang wujud dalam kerja berpasukan ialah ahli-ahlinya perlu saling membantu dan menyumbangkan kepakaran dan kemahiran mereka secara aktif. Mereka juga perlu sentiasa memantau prestasi ahli-ahli yang lain. Ahli pasukan seharusnya memberikan maklum balas dan bersama-sama berusaha dalam menyelesaikan sebarang masalah atau konflik yang timbul dalam pasukan. Dapatan dalam item ini menggambarkan pertukaran dan perkongsian pengetahuan dan pengalaman selepas menghadiri kursus, seminar, bengkel adalah sebahagian budaya kerja berpasukan.

Dalam aspek nilai tanggungjawab pula dapatan kajian ini sesuai dengan kajian (Adler dan Araya, 1984; Angle dan Perry, 1983; Brief dan Alday, 1980, dalam Chairy, 2002), yang mendapati nilai tanggungjawab dan komitmen afektif terhadap organisasi mempunyai hubungan yang tinggi dengan umur dan masa kerja. Omar (1993), menyatakan bahawa guru yang bertanggungjawab bukanlah sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan kepada para pelajarnya sahaja. Sebagai individu yang merupakan peneraju utama dalam pendidikan guru haruslah memiliki nilai tanggungjawab atau perjuangan yang lebih besar untuk menyuburkan akhlak dalam jiwa anak-anak di bawah didikan mereka. Dalam dimensi yang lain pula, para guru juga memikul tanggungjawab sebagai pemimpin tempatan serta golongan yang bersedia untuk menyampaikan sesuatu yang baik kepada masyarakat. Mohd. Ishak (1995), menyatakan guru yang larikan diri daripada masalah tidak dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh mereka, sebaliknya ia akan memperbanyakkan masalah yang ada serta mewujudkan masalah baru.

Dalam aspek nilai kepemimpinan, dapatan ini menyokong kajian Mohamad Khairudin dan Halimah (2014) menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan nilai kepemimpinan pengajaran guru berdasarkan faktor latar belakang guru seperti kelayakan ikhtisas dan pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa kelayakan ikhtisas dan pengalaman mengajar bukan faktor utama yang memainkan peranan sebagai asas kekuatan tahap kepemimpinan pengajaran dalam kalangan guru yang dikaji. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian Ritter dan Hancock (2007), dalam menentukan faktor yang mempengaruhi pengurusan kelas di sekolah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman dalam kalangan guru yang dikaji. Perkara ini disokong oleh penjelasan Teori House (1974) dan Teori Kepemimpinan Transformasi (1997) yang membuktikan bahawa kepemimpinan pengajaran

adalah faktor penting dalam menjayakan visi dan misi PDP sekali gus sebagai proses mempengaruhi murid secara berterusan, merangsang dan meningkatkan kesedaran mereka bagi mencapai visi sekolah selain memperbaiki pencapaian masing-masing.

Dapatan kajian menunjukkan guru permulaan amat memberi penekanan nilai sosial dalam aspek penyesuaian diri mereka dengan persekitaran sekolah. Hubungan dengan guru besar dan guru-guru lain sentiasa diberikan penekanan utama. Hubungan sosial yang baik ini menyebabkan guru-guru lebih komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi tanpa bantahan walaupun terdapat tugas yang difikirkan membebankan mereka. Aktiviti dan program yang diadakan di sekolah merupakan ruang terbaik untuk mengenali secara rapat dengan guru-guru lain di sekolah. Ciri-ciri peribadi seorang guru merupakan satu daripada faktor yang mempengaruhi proses penyesuaian diri di sekolah. Guru permulaan yang mempunyai sikap suka bergaul, rajin bertanya, pandai berkomunikasi dan ringan tangan lebih cepat menyesuaikan diri berbanding dengan guru yang tidak mahir berkomunikasi dan suka mengasingkan diri. Dapatan kajian ini bersesuaian dengan kajian Nur Hafizoh dan Rohana (2012) yang menyatakan nilai sosial merupakan salah satu tunggak utama dalam profesionalisme guru dan perkara ini perlu diberikan perhatian utama. Nilai ini juga terkandung dalam Standard Guru Malaysia. Dapatan kajian ini, menunjukkan guru-guru PISMP bukan sahaja mendapat kerjasama yang baik daripada guru-guru, malah turut membantu guru-guru yang memerlukan pertolongan dan memberi sumbangan idea yang bernas untuk menjayakan sesuatu program.

5.3 Implikasi Kajian

Bahagian ini membincangkan implikasi kajian terhadap enam aspek PEO yang dikaji iaitu:

5.3.1 IPGM

Pihak IPGM adalah pihak yang bertanggung jawab dalam penggubalan sesuatu kurikulum yang disesuaikan dengan keperluan sistem pendidikan di Malaysia. Pembinaan kurikulum akan lebih relevan dan dapat memenuhi keperluan selari dengan perkembangan dunia. Pelaksanaan kurikulum dan penyediaan bahan dan kelengkapan pengajaran dan pembelajaran perulah diselaraskan dengan perkembangan teknologi maklumat agar kurikulum yang disediakan mutakhir dan seiring dengan keperluan dan kehendak semasa.

5.3.2 Pembinaan Instrumen Kajian

Kajian ini telah menghasilkan pembinaan Instrumen Kajian Berasaskan 6 PEO bagi mengkaji pengamalan PEO di sekolah dalam kalangan guru-guru PISMP yang telah ditempatkan bermula tahun dari 2013 bagi mengetahui sama ada enam PEO yang dilaksanakan dalam kurikulum di IPG diaplikasikan di sekolah setelah mereka menjadi guru permulaan. Berdasarkan kajian ini beberapa elemen, sub-konstruk dan item dalam PEO ini perlu diubahsuai supaya skop/konsep PEO lebih jelas.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Bahagian ini akan membincangkan beberapa cadangan bagi meningkatkan keberkesanan dan memberi nilai tambah kepada dapatan kajian dalam rangka mengemas kini nilai dan kualiti pendidikan negara.

5.4.1 Elemen 1: Berpengetahuan dan berkemahiran praktikal dalam bidang keguruan selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan.

Bakal pendidik perlu didedahkan dengan pelbagai aspek pengetahuan dan kemahiran secara realiti dan praktikal supaya mereka dapat mengaplikasikan di sekolah secara berterusan dalam aspek kurikulum dan kokurikulum. Perkara ini selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan agar guru perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai perubahan global dalam dunia pendidikan (PPPM 2013-2015).

Jawatankuasa perlu ditubuhkan bagi membuka minda pendidik untuk didedahkan dengan jaringan sistem pendidikan luar negara dan diaplikasikan dalam negara jika bersesuaian. Lawatan kolaborasi pendidikan antara Malaysia dengan negara-negara lain perlu dimanfaatkan supaya pertukaran kemahiran dapat digunakan dalam memperbaiki pendidikan negara selaras dengan perubahan global.

5.4.2 Elemen 2: Menjana penyelesaian masalah dalam bidang keguruan melalui pendekatan saintifik secara inovatif, kreatif dan beretika.

Institusi keguruan perlu diberikan penghargaan dan pengiktirafan oleh pihak kementerian dengan berdasarkan konsep '**Harta Intelek**' terhadap setiap pencapaian, inovasi dan pemikiran kreatif yang telah dihasilkan oleh mereka. Ketika ini banyak hasil kajian/inovasi yang dihasilkan oleh guru dan pihak IPGK yang mempunyai nilai komersial tidak diberikan penghargaan yang sepatutnya oleh pihak kementerian berbanding dengan hasil kajian/inovasi yang dihasilkan oleh universiti.

5.4.3. Elemen 3: Berkomunikasi secara berkesan dengan memartabatkan

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris.

Kurikulum yang menekankan penguasaan bahasa Melayu dan Inggeris perlu ditambah baik/digubal semula bagi melahirkan golongan generasi akan datang yang dapat menguasai kemahiran dwi bahasa (Melayu dan Inggeris). Sebagai seorang guru kemahiran komunikasi sangat penting, sekiranya mereka dapat menguasai dwi bahasa ini dapat membantu murid-murid dengan mewujudkan perkembangan bahasa mereka secara tidak langsung. Selain itu, akan mengubah persepsi diri guru yang lebih positif dan memberikan keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunia luar.

Sijil atau pengiktirafan yang berkaitan dengannya perlu diberikan kepada pendidik yang telah mencapai tahap kompetensi yang diperlukan sebagai persediaan untuk kerjaya yang lebih cemerlang.

Aspek pengambilan guru sama ada di peringkat IPG dan universiti perlu mewajibkan individu yang telah menguasai penguasaan dwi bahasa dengan baik (Ujian Kelayakan Calon Guru). Ini kerana bahasa Inggeris adalah bahasa ilmu pengetahuan dan merupakan sumber yang penting untuk mendapatkan maklumat dan bahan rujukan yang diperlukan semasa membuat tugas, tesis dan sebagainya.

5.4.4 Elemen 4: Berupaya mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber.

Kementerian yang terlibat perlulah menyediakan keistimewaan kepada pendidik dalam capaian ICT yang pantas dalam mengakses maklumat berkaitan. Ketika ini capaian internet di sekolah amat mendukacitakan dan guru pula tidak mempunyai masa yang mencukupi di sekolah untuk mengakses internet kerana beban kerja yang tinggi. Capaian internet yang baik memudahkan guru mempelbagaikan bahan sumber untuk PnP. Pusat Kegiatan Guru perlu diperkemaskan dalam membantu menjalankan latihan dalam perkhidmatan yang berteraskan ICT.

Kemudahan capaian internet di sekolah perlu kemas kini dengan berkesan dan dipantau oleh syarikat 'Vendor' dari semasa ke semasa supaya kemudahan yang diberikan dapat dipantau digunakan dengan lebih bermanfaat dan berkesan.

5.4.5 Elemen 5: Kemahiran keusahawanan, pengurusan dan menyedari keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan kerjaya.

Kurikulum sedia ada telah menerapkan kemahiran keusahawanan dan perlu diubahsuai berdasarkan keperluan semasa. Penerapan elemen kemahiran keusahawanan kepada guru-guru supaya dapat melahirkan guru yang kompeten bukan sahaja mampu mengajar tetapi mempunyai ketrampilan diri yang meyakinkan. Kemahiran keusahawanan antara kemahiran insaniah yang harus dimiliki oleh guru sebagai penjana modal insan, bukan sahaja sebagai penyampai ilmu dan memberi maklumat, namun bertanggungjawab membimbing pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diterima dalam realiti dunia hari ini yang sentiasa mengalami perubahan di luar kawalan.

Para pendidik juga perlu diberikan galakan, peluang, kemudahan dan insentif yang bersesuaian dalam melanjutkan pelajaran di peringkat diploma, ijazah, ijazah kedua dan ketiga. Peluang harus dibuka kepada guru-guru dengan memberikan tawaran dan kemudahan yang lebih fleksibel bagi menarik minat guru-guru untuk melanjutkan pelajaran dengan kelonggaran beberapa syarat seperti masa bekerja, pembayaran yuran dan cuti.

Pihak IPGM perlu memikirkan mekanisme melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan PhD di IPGK dalam memperkasakan fungsi IPGK seluruh negara. Selaras dengan usaha IPGM untuk menjadikan IPG sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan sudah tentunya memerlukan tenaga pengajar yang memiliki pengetahuan dan kepakaran.

5.4.6 Elemen 6: Memiliki nilai dan sikap profesionalisme, ciri-ciri kepimpinan, berkemahiran sosial, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan.

